

**Jilid I
Bil. 4**



**Hari Isnin
13hb Disember, 1982**

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
SENATE

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Perutusan daripada Dewan Rakyat [Ruangan 245]

URUSAN MESYUARAT [Ruangan 246]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 247]**

USUL:

**Ucapan Terima Kasih kepada Kebawah D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang
di-Pertuan Agong [Ruangan 275]**

MALAYSIA
PARLIMEN KEENAM—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, TAN SRI ISMAIL KHAN, P.S.M., P.N.B.S.,
B.K.T., P.P.T. (Dilantik).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO HAJI MOHAMED BIN
NASIR, S.P.M.K., J.M.N., J.P. (Kelantan).
- „ TUAN HAJI ABDUL JALIL BIN ABDUL RAHMAN (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K.
(Wilayah Persekutuan).
- „ TAN SRI DATO HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN, P.S.M.,
D.S.W., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N.
(Dilantik).
- „ TUAN ABDULLAH BIN SALLEH (Perlis).
- „ TUAN ALEXANDER Y.L. LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH, K.M.N., S.M.K. (Dilantik).
- „ TUAN BASHARON BIN HANAPIAH (Dilantik).
- „ DATO CHIN KIM YOONG, D.P.C.M., A.M.P., P.P.T. (Perak).
- „ DATUK CHOO CHING HWA, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K., P.P.N., P.M.K.,
J.P. (Dilantik).
- „ DATUK CHUA SONG LIM, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., J.M.N., P.I.S.,
B.S.I., J.P. (Johor).
- „ TUAN HAJI FADZIL BIN AHMAD, A.M.N. (Kedah).
- „ TUAN FADZIL BIN MAHMOOD, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Perlis).
- „ DATO S. GOVINDARAJ, D.P.M.S. (Dilantik).
- „ PUAN HAFSAH BINTI OTHMAN (Dilantik).
- „ PUAN HASNAH BINTI HAJI MOHD. KASSIM *alias* HASNAH FATIMAH
BINTI HAJI MOHD. KASSIM, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Terengganu).
- „ TUAN H'NG HUNG YONG (Dilantik).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ABDULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P.
(Perak).
- „ TUAN IBRAHIM BIN SALLEH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN ISHAK BIN ABDUL RAHMAN, A.M.N., P.J.K. (Pulau Pinang).
- „ DATO ISMAIL BIN HASHIM, D.P.S.M., K.M.N., A.M.N., P.B.M., J.P.
(Melaka).
- „ DATUK JAMES BERNARD WILLIE, P.G.D.K. (Sabah).

Yang Berhormat PUAN SRI JANAKI ATHI NAHAPPAN (Dilantik).

- .. TUAN R.M. JASNI, B.K. (Dilantik).
- .. DATO KAM WOON WAH, D.I.M.P., J.P. (Dilantik).
- .. TUAN SYED KAMARULZAMAN BIN SYED BAHALDIN ALJAMLUD, K.M.N., A.M.N.(Selangor).
- .. TUAN KEE YONG WEE (Dilantik).
- .. TUAN KENNETH KANYAN ANAK TEMENGGONG KOH, K.M.N., J.B.S. (Sarawak).
- .. DATO KHOO KAY POR, D.M.P.N., J.M.N., J.P. (Pulau Pinang).
- .. TUAN K. KUMARAN, K.M.N., P.M.P., P.P.T., J.P. (Dilantik).
- .. TUAN HAJI LATIP BIN HAJI DRIS (Dilantik).
- .. TUAN LOH KEE PENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- .. TUAN LOO SWEE MOK, A.M.N., P.P.N. (Pahang).
- .. DATIN HAJJAH MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.N., J.P. (Pahang).
- .. DATO HAJI MAHMOUD *alias* MAHMOUD SALIM BIN HAJI MOHAMAD, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Terengganu).
- .. DATUK HAJI MOHD. DIN BIN JAAFAR, P.G.D.K., A.D.K., B.K. (Dilantik).
- .. DATO HAJI MOHD. NOR MOHAMAD, D.P.M.S., J.M.N., S.M.T., S.M.S., P.J.K. (Dilantik).
- .. TUAN M.K. MUTHUSAMY, K.M.N., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Dilantik).
- .. TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, K.M.N., A.M.N., P.J.K., J.P. (Negeri Sembilan).
- .. DATO HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Dilantik).
- .. TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- .. TUAN PARAMJIT SINGH (Dilantik).
- .. DATO G. PASAMANICKAM, S.P.M.J., D.P.M.J., D.S.I.J., P.I.S., B.S.I., J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- .. PUAN RAGAYAH BINTI ARIFF, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Dilantik).
- .. TUAN SRI DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.M., P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., S.M.K., C.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- .. DATO SULAIMAN BIN NINAM SHAH, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., B.S.I., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- .. TUAN TAN CHANG SOONG, A.M.N. (Dilantik).
- .. TUAN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).
- .. TUAN D.P. VIJANDRAN (Dilantik).
- .. TUAN WONG KIE NAI (Dilantik).
- .. DATO WONG SENG CHOW, A.M.N., J.P. (Negeri Sembilan).

Yang Berhormat TUAN HAJI TUAN YAACOB BIN HAJI ENSKU YUNUS, P.P.N.
(Kelantan).

„ DATO YAP PENG *alias* YAP PIANG TAU, D.P.M.S. (Selangor).

„ TAN SRI DATUK YEH PAO TSU, P.S.M., P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).

„ TAN SRI ZAITON IBRAHIM BIN AHMAD, P.S.M. (Dilantik).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya bin Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA
DEWAN NEGARA

Isnin, 13hb Disember, 1982

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Mesyuarat)

7. Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang;
8. Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti.

PENGUMUMAN TUAN YANG
DI-PERTUA

Yang ikhlas,

Tandatangan:

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN
RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara memersetujui Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan tersebut.

TUAN YANG DI-PERTUA
DEWAN RAKYAT

URUSAN MESYUARAT

Saya jemput Setiausaha membaca perutusan itu sekarang.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang tersebut di dalam Perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya dalam Mesyuarat ini:

(Setiausaha membacakan Perutusan)

10hb Disember, 1982.

Tuan Yang di-Pertua,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara memersetujui:

1. Rang Undang-undang Insurans (Pindaan);
2. Rang Undang-undang Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan);
3. Rang Undang-undang Kanun Keseksan dan Kanun Prosedur Jenayah (Pindaan);
4. Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Kecil (Pindaan);
5. Rang Undang-undang Pertubuhan Peladang (Pindaan);
6. Rang Undang-undang Makanan;

1. Rang Undang-undang Insurans (Pindaan);
2. Rang Undang-undang Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan);
3. Rang Undang-undang Kanun Keseksan dan Kanun Prosedur Jenayah (Pindaan);
4. Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Kecil (Pindaan);
5. Rang Undang-undang Pertubuhan Peladang (Pindaan);
6. Rang Undang-undang Makanan;
7. Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang;
8. Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

JALAN KEPAYANG/SG. RAYA— JALAN KE CAMERON HIGHLANDS

1. **Dato' Chin Kim Yoong** minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kenyataan telahpun dibuat mengenai rancangan Kerajaan untuk membina sebatang jalanraya yang menyambung Bandar Ipoh terus ke Cameron Highlands melalui Jalan Keayang/Sg. Raya untuk menarik para pelancong mengunjungi Bandar Ipoh dan bandar-bandar lain, jika sedar apakah kedudukan rancangan-rancangan ini sekarang.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Persekutuan tidak ada rancangan untuk membina jalanraya yang menyambung Bandar Ipoh terus ke Cameron Highlands. Satu kajian telah dijalankan pada tahun 1973 oleh Juru Perunding dan didapati tidak mendatangkan keuntungan (not viable). Kerajaan Persekutuan memang akan membuat satu kajian kemungkinan lagi untuk menentukan ekonomi projek tersebut dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat.

CUSTOMS HEADINGS— PERUBAHAN SEMULA

2. **Tuan Kee Yong Wee** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau ingin membuat perubahan semula terhadap susunan kepala kastam atau customs headings agar tidak menimbulkan kekeliruan kepada peniaga-peniaga.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk menyusun semula kod tarif kastam kerana kod tarif yang ada sekarang ialah kod yang dipakai di peringkat antarabangsa, iaitu oleh semua negara-negara yang menjadi ahli

kepada Majlis Kerjasama Kastam. Dengan kod tarif ini perjenisan semua barang-barang dagangan di peringkat antarabangsa diseragamkan, dan ini memudahkan perdagangan.

Walau bagaimanapun, perubahan ada dibuat kepada kod-kod tarif dari semasa ke semasa, iaitu untuk memperjeniskan barang-barang jenis baru dan juga untuk menyesuaikan kod-kod ini dengan keperluan tempatan.

Sekiranya ada apa-apa kekeliruan timbul mengenai perjenisan ini, pihak berkenaan bolehlah mendapat nasihat dari Jabatan Kastam.

PRODUKTIF HARIAN DAN BULANAN INDIVIDU

3. **Dato' Haji Mohd. Nor Mohamed** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan akan mewujudkan sukatan daya penghasilan perkhidmatan awam dengan mencatat rekod masa untuk menentukan produktif harian dan bulanan bagi setiap individu;
- (b) sama ada Kerajaan akan mengkomputerkan, menggunakan alat automatik dan menggunakan mesin-mesin bagi kebanyakan kerja ulang-jejak secara tujuan untuk menambahkan daya pengeluaran dan mengurangkan perbelanjaan mengurus; dan
- (c) sama ada Rundingan Kawalan Kualiti diwujudkan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua.

- (a) Perkara mengukur hasil kerja dalam pentadbiran awam sedang dikaji secara teliti memandangkan bahawa pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan menjalankan berbagai-bagai jenis tugas. Tiap-tiap tugas menghendaki cara pengukuran yang sesuai manakala kerja-kerja yang memerlukan pemikiran, pertimbangan

dan rundingan antara berbagai-bagai pihak, tidaklah mudah untuk diukur hasilnya. Bilangan keputusan yang dibuat, misalnya, tidak akan mencerminkan kepentingan keputusan itu dan kerumitkan rundingan dan penyelidikan yang perlu dibuat untuk mencapai keputusan itu. Cara-cara pengukuran yang sesuai sedang dikaji.

- (b) Kerajaan sedia menggunakan komputer di berbagai-bagai agensi di samping alat-alat otomatis seperti "word processor", "mesin penyalin" dengan "collator", penjilid laporan, penghancur kertas dll. Semua ini dapat menambah penghasilan kerja dan menjadikan kerja-kerja routine lebih menarik hati. Tetapi komputer dan mesin-mesin letronik itu semuanya mahal-mahal belaka dan menambah kos permulaan walaupun akan mengurangkan kos dalam jangka waktu yang panjang.
- (c) Q.C.C. (Quality Control Circle) sedang diujikan dan dicubakan oleh beberapa buah agensi pusat termasuk MAMPU, INTAN, Unit Penyelarasan Pelaksanaan dan sebuah dua Kementerian. Kerajaan sedang meneliti hasil-hasil percubaan itu sebelum menyediakan garis panduan yang sesuai dan menggalakan semua agensi-agensi Kerajaan untuk memulakannya dengan nama Kumpulan Menambah Hasil Kerja atau Kumpulan MENAJA.

Dato' Haji Mohd. Nor Mohamed: Soalan tambahan, Tuan Yang di-pertua. Terima Kasih atas jawapan Timbalan Menteri tadi. Dari segi Budget yang saya baca baru-baru ini bahawa Kerajaan akan membelanjakan sebanyak \$3.3 ribu juta dalam tahun 1983 lebih kurang 20% daripada perbelanjaan sektor awam untuk mengurus. Ini tidak termasuk pula \$100 juta perbelanjaan gaji dan upahan di perbelanjaan pembangunan.

Saya ingin tahu bagaimanakah dapat Kerajaan menentukan perbelanjaan gaji dan upahan yang banyak ini membawa kesan-kesan yang produktif selain daripada menyukat secara rekod masa harian dan

bulanan untuk setiap individu dan juga, saya ingin tahu bagaimanakah Kerajaan dapat menyukat produktif individu itu di atas nilai perbelanjaan kita ataupun dalam bahasa Inggeris, the value for our money. Itu pertanyaan yang pertama, Tuan yang di-Pertua.

Yang keduanya, saya juga berterima kasih di atas cadangan Timbalan Menteri tadi mengatakan untuk jangka panjang, alat perkakas otomatis ataupun letronik dan juga komputer akan digunakan. Tetapi yang saya kurang bersependapat dengan Timbalan Menteri bahawa harga-harga ini terlalu mahal, walhal sebagai saya sebut tadi gaji dan upahan \$3.3 ribu juta itu adalah banyak dibelanja pada tiap-tiap tahun, 20% sebanyak belanja mengurus untuk tahun 1983. Jadi, dengan itu kerana jawapan Timbalan Menteri adalah ini satu cadangan jangka panjang, saya ingin mengetahui bilakah agaknya semua pejabat-pejabat Kerajaan bukannya pejabat badan-badan berkanun sahaja seperti disebut oleh Timbalan Menteri, bahkan semua pejabat-pejabat Kerajaan akan mengguna sebanyak-banyaknya mesin alat otomatis dan komputer yang dapat bekerja siang malam tidak tahu penat, tidak tahu letih 24 jam satu hari.

Itulah pertanyaan saya, bilakah agaknya semua pejabat-pejabat Kerajaan akan menggunakan alat perkakas otomatis, letronik dan komputer?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan pertama, memanglah menjadi tujuan Kerajaan untuk mendapat dengan izin, value for our money atau mendapat nilai untuk wang yang dibelanja untuk pentadbiran negara kita. Oleh kerana salah satu tujuan Kerajaan ialah mencapai satu pentadbiran yang cekap memang susah seperti saya sebutkan tadi untuk mengukur dengan tepatnya peratusan kenaikan kecekapan dalam Kerajaan. Akan tetapi dengan adanya beberapa langkah yang baru seperti punch clock, name tag, pejabat terbuka dan sebagainya mengikut pengukuran yang boleh dikatakan sedikit sebanyak subjective iaitu mengikut maklumbalas yang didapat daripada orang ramai, nampaknya kecekapan jabatan

Kerajaan adalah meningkat, terutama sekali pejabat-pejabat yang ada kounter-kounter perkhidmatan seperti Pejabat Imigeresen, Pejabat Pendaftaran, Pejabat Pengangkutan Jalan, Polis, Pejabat Perubatan dan sebagainya.

Oleh kerana dengan adanya sistem yang baru kakitangan Kerajaan hadir di pejabat pada pukul 8.00 pagi, jadi kalau sesiapa yang datang lewat orangramai pun boleh tahu kerana setiap anggota Kerajaan yang berkhidmat di Pusat Perkhidmatan diwajibkan memakai name tag dan sekiranya perkhidmatan yang diberi tidak begitu memuaskan, nama anggota Kerajaan boleh dicatitkan dan aduan boleh dihantar kepada Ketua Jabatan yang berkenaan. Jadi, nampaknya Kerajaan ada dapat lebih value for our money akan tetapi susahlah hendak jelaskan berapa lebih.

Berkenaan dengan soalan yang kedua, Kerajaan tentu sedar bahawa alat-alat mesin otomatis tentu boleh membantu anggota Kerajaan menjalankan tugas-tugasnya dengan lebih berkesan dan seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum beberapa jabatan Kerajaan telah mengadakan komputer dan mesin-mesin letronik dan sebagainya adalah bertambah secara berperingkat-peringkat. Akan tetapi oleh kerana keadaan kewangan pada masa ini tidak begitu baik, jadi adalah sedikit sebanyak sekatan atas pembelian alat-alat otomatis.

Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Jawapan yang saya mohon adalah bagaimana sukatan produktif pekerja-pekerja Kerajaan itu akan dibuat. Cara clocking adalah mengukur masa sahaja. Seseorang itu boleh mengclock pukul 6.00 pagi masuk dan mengclock keluar pukul 6.00 petang tetapi duduknya di pejabat cuma membaca suratkhbar ataupun di dalam kantin-kantin. Ini tidak produktif.

Pertanyaan saya, Tuan Yang di-Pertua, macam manakah Kerajaan akan membuat satu cara menyukat produktif pekerja-pekerja Kerajaan supaya pekerja-pekerja yang malas (drift-wood) boleh dikeluarkan daripada bekerja dengan Kerajaan, dengan

itu mengurangkan budget ataupun mengurangkan perbelanjaan sektor awam pada tahun 1983.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, saya pun telah jawab soalan itu dalam jawapan asalnya iaitu cara-cara pengukuran yang objektif sedang dikaji oleh Kerajaan iaitu oleh MAMPU akan tetapi secara subjective dengan menggunakan mata sendiri orang ramai dapat melihat sekiranya kakitangan Kerajaan ada bekerja atau tidak, ada datang lewat atau tidak, ada memberi perkhidmatan yang bermutu tinggi atau tidak dan sesiapa yang tidak ada dalam pejabat orang ramai pun boleh mengambil perhatian kerana sekarang ada pejabat terbuka di beberapa tempat, ada 'name tag' dan seperti saya katakan tadi nampaknya kecekapan agak meningkat sedikit sebanyak.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Masalah mencatat rekod kerja yang kita jalankan sekarang ini pada pendapat saya satu perubahan yang berani dan ditambah satu lagi nama di baju, macam Menteri yang bercakap tadi saya juga menambah satu perubahan yang berani, satu jalan supaya suai kerja sebenar-benar bekerja, sebenar-benar menepati masa, dapat dijalankan pentadbiran seluruh negara ini, saya memuji langkah ini. Tetapi saya rasa banyak yang bertanya-tanya apabila kita pakai di sini dan apabila semua orang dikenakan masa tetapi ada di antara orang yang tidak suka menggunakan masa itu dan di antaranya pula yang cuba—saya tahu ini benar-benar, ada diantara yang cuba hendak merosakkan alat itu kerana agak saya belum lagi daya pemikirannya menerima satu perubahan baru supaya mengatasi keburukan dalam sebahagian pentadbiran negara kita yang tidak menepati masa. Sungguh saya yakin benar memang ya, ada banyak yang kita tahu tidak menepati masa. Maaf saya bercakap hal ini sebab saya rasa penting dan ada juga sebahagian orang yang benar-benar beramanah bukan sebab pakai jam masa sahaja tetapi memang dia menepati masa, masa sembahyangnya dia tepat masa, Maghrib, Isyak, Subuh, ada juga yang banyak seperti itu, begitu juga bekerja.

Tetapi Tuan Yang di-Pertua, apa pula langkahnya sebab saya perhatikan—saya berpendapat sendiri, kita suruh dia bekerja tepat, dia datang tepat tetapi dia tidak menunaikan kewajipan dalam kerjanya. Misalnya hari ini kita baca statement daripada Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah tetapi beliau tidak ada, malangnya Menteri-menteri kita ini kadang-kadang tidak mahu hadir di persidangan Dewan Senate kita ini, jadi ada di antara Menteri lima tahun tidak hadir, ini satu yang saya rasa patut Perdana Menteri kita mengambil tahu hal ini supaya taraf Dewan ini tetap sebagai Dewan Negara, sebagai yang utuh dan ulung di Parlimen kita ini. Berbalik kepada masalah Menteri Kemajuan Tanah membuat statement yang saya rasa memalukan kalau dibaca oleh orang luar negeri. 800,000 kes tanah dalam negara kita masih belum beres, 800,000 bukan 8,000 bukan 800 sahaja atau 80 tetapi 800,000 kes tanah di negara kita masih tidak beres. Siapakah yang bertanggungjawab, inilah satu jawapan kepada Parlimen ini usaha kerja pentadbiran kita begitu lemah khasnya dalam Bahagian Tanah ini—maaf saya kalau ada pegawai-pegawainya ada hadir di dalam Dewan ini, bukan dia agaknya, barangkali pegawai tanah lain, tetapi kalau dia mesti tanggung risiko juga.

Tuan Yang di-Pertua, kepada Menteri yang berkenaan saya suka bertanya, jika kita biarlah seterusnya cara pentadbiran yang seperti ini di negara kita, bukan sahaja kita mahu dapat cekap, bersih, kemas, teratur dan tahan lasak tetapi kita mengundur ke belakang sepertimana kata perumpamaan Melayu “Setapak ke hadapan, dua tapak ke belakang”. 800,000 kes ini saya pandang amat besar dan amat memalukan negara kita. Bolehkah Yang Berhormat Menteri di atas dasar kita hendak bekerja cekap, kerja menunaikan kerja memberitahu di Parlimen ini bahawa Kerajaan ataupun Kementerian khasnya di Pejabat Perdana Menteri akan menganalisa seluruh Jabatan di negara kita ini tidak berlaku lagi kecuaiannya yang amat menjolok mata dan memalukan ini supaya bersesuaian dengan yang dikehendaki oleh Perdana Menteri datang tepat masa dan menunaikan kerja. Itu satu contoh dalam

Pejabat Tanah sebab ada saya dengar bunyi-bunyi barangkali tidak suka panjang sangat soalan saya dan nanti Tuan Yang di-Pertua tahan, hitam belum putih lagi. Jadi saya pendekkan, bolehkah Yang Berhormat Menteri menganalisa-dahulu saya bercakap di Parlimen ini, dua tahun lebih dahulu, saya mencadangkan dilantik seorang Menteri pengawas, benar-benar pandang penting dalam negara ini, saya kata dilantik Menteri khas pengawasan mengawas seluruh Jabatan, seluruh perjalanan, apa Menteri pun, apa Jabatan pun supaya jangan lagi ada berlaku kerja-kerja kita yang begitu terbiar dan memalukan negara kita. Bolehkah Yang Berhormat Menteri pertama, membuat langkah supaya ini diatasi dengan tepat, yang kedua, bolehkah diadakan satu jawatankuasa khas penyelaras dalam semua pejabat dan negeri kita ini?

Dr. Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat itu telah membuat satu kenyataan yang begitu panjang dan menarik hati sehingga sayapun tidak dapat menangkap apakah soalan mustahak beliau, akan tetapi saya akan cuba.

Bekenaan dengan tanggungjawab pentadbiran baru untuk meningkatkan mutu Perkhidmatan Awam, saya ingin menjelaskan bahawa inilah satu proses secara terus-menerus dan akan menggunakan masa oleh kerana di mana badan pun termasuk badan swasta sekiranya hendak ubah sikap manusia masa memang diperlukan dan Kerajaan telah bermula proses meningkatkan mutu Perkhidmatan Awam dan ini akan dijalankan secara berperingkat-peringkat.

Berkenaan dengan masalah di beberapa Jabatan Kerajaan termasuk Jabatan Tanah, izinkan saya menjelaskan bahawa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang telah bertanggungjawab bagi Biro Pengaduan Awam pun telah memberi arahan kepada Biro supaya lebih aktif untuk menerima aduan-aduan daripada orang ramai terutama sekali orang ramai yang miskin dan dari kawasan yang mundur.

Dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pun telah mengeluarkan arahan kepada Jabatan Tanah supaya

menyelesaikan kes-kes yang dikemukakan dalam tempoh tiga bulan dan mengikut maklumbalas, Jabatan Tanah sedang melaksanakan arahan itu secara berperingkat.

Berkenaan dengan soalan sama ada satu Jawatankuasa Penyelaras diperlukan seperti jawapan saya tadi, Kerajaan ada Biro Pengaduan Awam yang ditadbirkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri dan Biro itu sedia menerima aduan-aduan daripada orang ramai termasuklah Ahli-ahli Yang Berhormat.

PELAJAR MALAYSIA DI UNITED KINGDOM—PERKAHWINAN

4. **Tuan Ishak bin Abdul Rahman** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa terdapat sebahagian daripada pelajar-pelajar di luar negeri terutama di United Kingdom yang mendapat bantuan penuh (Biasiswa) telah melangsungkan perkahwinan sesama mereka; jika sedar apakah tindakan yang akan diambil dan sama ada perkahwinan ini menjejaskan tumpuan mereka terhadap pelajaran.

Menteri Pelajaran (Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar terdapat sebilangan kecil pelajar-pelajar anjuran Kerajaan di luar negeri telah melangsungkan perkahwinan. Pelajar-pelajar yang ingin berkahwin dikehendaki mendapat kebenaran daripada Kerajaan dengan mengemukakan surat-surat kebenaran untuk berkahwin dari ibubapa kedua-dua belah pihak. Pelajar juga dikehendaki membuat surat pengakuan yang mereka akan bertanggungjawab di atas apa-apa perkara yang berlaku akibat dari perkahwinan itu seperti terjejasnya tumpuan terhadap pelajaran.

Bagi pelajar-pelajar yang berkahwin tanpa mendapat kebenaran Kerajaan, tindakan diambil mengikut merit kes masing-masing. Tentang sama ada perkahwinan itu akan

menjejaskan tumpuan terhadap pelajaran mereka, itu bergantung kepada pelajar-pelajar itu sendiri. Ada kalanya tumpuan mereka terhadap pelajaran itu terjejas dan ada kalanya tumpuan mereka lebih baik lagi, mungkin oleh kerana lebih stabil, umpamanya lebih stabil daripada emosi dan lain-lain lagi.

Tuan Abdul Razak bin Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana jawapan Yang Berhormat Menteri tadi hanya sebilangan kecil sahaja yang berkahwin. Di sini saya ingin bertanya, berapakah jumlahnya mahasiswa atau penuntut kita di luar negeri yang telah melangsungkan perkahwinan di United Kingdom ataupun di negara lain itu?

Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf kerana tak mempunyai angka yang tepat mengenai bilangan perkahwinan itu, mungkin Tuan Khadi ada dalam simpanannya. Walau bagaimanapun, bagi Kementerian Pelajaran pula, saya tidak ada angkanya di sini. Kalau Ahli Yang Berhormat perlu sangat atas bilangan itu, insya Allah, kita boleh siasat berapakah pelajar yang sudah kahwin mengikut daripada rekod Kementerian Pelajaran.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya pernah bercakap mengenai pelajar-pelajar kita di England. Masalah penutut di sana, fasal kahwin ini sebenarnya masalah itu tidak ada masalah pada saya, siapa suka sama suka boleh kahwinlah (*Ketawa*). Tetapi apa yang penting kepada saya begini, Tuan Yang di-Pertua. Di England itu ada satu golongan pendakwah yang khas yang mengatakan pelajar-pelajar lelaki dengan perempuan tak boleh belajar bersama-sama melainkan lebih baik berkahwin. Perkara ini benar-benar berlaku, bukan saya bercakap mengada-ngada, saya sendiri kebetulan semasa berada di England, tetapi pada dua tahun sudah, saya telah dapati benar berlaku. Saya telah berjumpa dengan pegawai-pegawai yang menjaga masalah pelajar di England itu. Saya bertanya kepada mereka. Katanya hal itu betul ada berlaku iaitu satu golongan dakwah, mereka menyeru supaya tiap-tiap pelajar itu kahwin. Jadi ada satu soalan sebagaimana saya katakan masalah kahwin

suka sama suka itu soalan lain, tetapi ada satu soalan iaitu soal ibubapa mereka. Bagi kita ini, walau bagaimanapun sekurang-kurangnya ibubapa mengetahui, sebagaimana kata Yang Berhormat Menteri bagaimanapun waris kita perlu mengetahui, kerana mengikut peraturan agama Islam, kita tak boleh waris atau ibu bapa tak mengetahui. Saya telah berbincang dengan pegawai pelajaran di sana, saya tak suka sebutkan namanya, kalau hendak sebut, saya boleh sebutkan. Saya kata, apa tuan fikir, betullah mereka suka sama suka tetapi bagaimanapun, ibubapa perlu mengetahui, sebab mengikut peraturan agama kita, mestilah waris, diberitahu terutama ibubapa. Jadi di situ telah berlaku, anak sahabat saya, Allahyarham Zulkifli Muhammad, anaknya pada malam itu hendak kahwin, nasib baik saya ada di situ, saya katakan pada pegawai itu, saya kenal pelajar ini, ada sedikit berkaitan pelajar ini dengan saya. Saya tak bersetuju pelajar ini dikahwinkan pada malam itu mestilah terlebih dahulu diberi tahu dengan kawat khas kepada datuknya, sebab ibubapanya sudah meninggal, Allahyarham Zulkifli dan isterinya sudah lama meninggal, Datuknya sahaja yang ada. Jadi saya kata tolong beri tahu datuknya sendiri. Dengan izin Tuhan mereka tak jadi berkahwin, saya bersyukur, Tuan Yang di-Pertua.

Saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri kita, adakah pegawai yang menjadi duta ataupun yang menjadi pegawai protokol pelajaran kita di England itu diberi kursus khas berkenaan dengan agama supaya mereka mengatasi perkara-perkara agama yang saya pandang sensitif di sana, macam-macam fahaman, tak boleh bercampur di sana, kita di sinipun tak ada mengadakan tabir pelajar berguru, mereka mengadakan tabir antara lelaki di sebelah, perempuan di sebelah, sampai macam itu. Jadi saya hendak bertanya adakah Yang Berhormat Menteri Pelajaran sekarang menghantar pegawai-pegawai kita di sana, khasnya pegawai agama, pelajaran agama bukan sahaja untuk dapat mengatasi dalam semua hal berkenaan dengan kebaikan pelajaran tetapi juga mengatasi masalah agama seperti dakwah-dakwah yang berlaku sampai macam

itu sejak dua tahun yang telah lalu. Saya tidak berani cakap bohong dalam dunia ini, saya tak tahu setahun dua kemudian sama ada sudah diatasi. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberikan penerangan?

Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya di United Kingdom, kita ada menempatkan Pegawai-pegawai Agama yang boleh menolong memberi nasihat dan bimbingan kepada pelajar-pelajar kita di sana dan di samping itu Kementerian Pelajaran ada menghantar beberapa orang pegawai daripada Jabatan Agama Islam di Kementerian Pelajaran menjelajah di beberapa buah negeri. Umpamanya, dalam tahun yang lepas kita telah menghantar dua orang pegawai ataupun ustaz, yang mengetahui tentang agama menjelajah di New Zealand, Australia dan Tasmania di mana mereka telah berjumpa dengan pelajar-pelajar kita dan memberikan penjelasan dan ceramah-ceramah tentang agama dan masalah-masalah lain. Laporan yang dihantar oleh mereka kepada pihak Kementerian Pelajaran merupakan satu laporan yang begitu baik sekali yang memberikan kita pandangan tentang apakah tindakan yang patut dibuat oleh Kementerian Pelajaran untuk mengatasi kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh para pelajar kita di seberang laut.

PADI—PENYAKIT MERAH

5. Tuan Fadzil bin Mahmood minta Menteri Pertanian menyatakan jumlah keluasan bendang yang terlibat dalam penyakit merah padi yang berlaku di Perlis dan Kedah dan sebanyak manakah kerugian yang ditaksirkan dan apakah pandangan Kerajaan di atas bencana yang menimpa petani-petani tersebut dan tindakan positif yang telah diambil dan yang akan diambil untuk mengatasi masalah yang dialami oleh petani-petani itu.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Chin Hon Ngian): Tuan Yang di-Pertua, keluasan kawasan yang diserang penyakit merah dari

Januari, sehingga 27hb November, 1982 adalah seperti berikut:

Perlis	7780 ha.
Kedah—(Luar kawasan MADA)		2010 ha.
(Dalam kawasan MADA)		5660 ha.

Kerugian dari segi mata wang ialah lebih kurang \$50 juta. Tindakan yang telah dan akan ambil supaya penyakit merah tidak menyerang lagi ialah:

- (i) Memberi ceramah/penerangan cara-cara mengawal penyakit merah kepada petani-petani terlibat.
- (ii) Membekal racun kimia kepada kawasan yang kena serangan dan meminjamkan penyembur ber-jentera.
- (iii) Memperhebatkan kerja-kerja pengawasan dan peramalan penyakit tersebut serta pembawanya.
- (iv) Menjalankan projek perintis demonstrasi bagi mengawal penyakit merah.
- (v) Mengesyorkan menanam jenis-jenis padi yang tahan pada penyakit merah seperti MRI, MR7 dan Improved Mahsuri.

HUTANG NEGARA

6. Tuan Tan Chang Soong minta Menteri Kewangan menyatakan nombor nisbah semasa bagi memperkhidmatkan hutang-hutang negara (iaitu current debt servicing ratio) dan apakah datar atau paras optima bagi pinjaman-pinjaman untuk menanggung perbelanjaan-perbelanjaan baik berulang atau untuk pembangunan negara dan apakah rancangan yang telah dirumuskan untuk membayar balik pinjaman-pinjaman ini dalam tempoh pendek dan dalam tempoh panjang.

Tuan Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, beban perkhidmatan hutang-hutang dari luar negeri, didefinisikan sebagai peratusan bayaran faedah dan bayaran hutang pokok bagi hutang luar negeri Kerajaan daripada pendapatan eksport keseluruhannya.

Dalam tahun 1981 jumlah memperkhidmatkan hutang-hutang tersebut adalah 2.6% dan dijangka akan meningkat kepada 4.5% bagi tahun 1982. Nisbah ini adalah masih rendah lagi jika dibandingkan dengan nisbah bagi negara-negara lain. Adalah menjadi dasar Kerajaan untuk memastikan bahawa hasil semasa adalah mencukupi untuk membiayai perbelanjaan mengurusi supaya pinjaman-pinjaman dari pasaran-pasaran dalam dan luar negeri hanya digunakan untuk membiayai rancangan pembangunan sektor awam sahaja.

Pada konsepnya, paras optima pinjaman sepatutnya selaras dengan pertumbuhan yang stabil dan kekal tanpa menimbulkan inflasi, tidak pula memburukkan imbangan pembayaran dan tidak juga mengakibatkan ketidakstabilan kewangan. Seterusnya paras pinjaman dan saiz hutang Kerajaan tidak sepatutnya pula menjadi terlalu besar hingga boleh menimbulkan masalah-masalah perkhidmatan hutang.

Perolehan-perolehan pinjaman adalah digunakan untuk pelaburan yang produktif dan adalah menjadi dasar Kerajaan supaya pinjaman dalam negeri digunakan bagi tujuan pembangunan diperolehi dari sumber-sumber yang tidak mencetuskan inflasi, manakala pinjaman dari luar negeri pula akan dikekalkan pada satu paras yang tidak akan menjejaskan kedudukan kredit negara dalam pasaran antarabangsa. Selagi wang pinjaman digunakan untuk pelaburan yang produktif, dan selagi pembayaran balik pinjaman-pinjaman ini dalam tempoh jangka masa pendek dan jangka masa panjang dapat dibiayai daripada hasil Kerajaan yang akan dapat diperolehi dari pertambahan pendapatan dan eksport, maka negara tidak akan mengalami beban hutang yang membimbangkan.

Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Perkara nisbah perkhidmatan hutang negara yang dijawab oleh Timbalan Menteri Kewangan adalah seperti dinyatakan iaitu hutang di luar negeri dibahagi dengan jumlah eksport menjadi satu nisbah. Sama ada nisbah itu bagus untuk petunjuk, itu adalah satu soalan. Pada pendapat ramai nisbah ini tidak begitu

betul kerana angka-angkanya digunakan angka eksport. Eksport boleh turun tetapi hutang melekat di situ. Banyak negara-negara yang lain yang lebih maju menggunakan nisbah hutang luar negeri ini dengan cara jumlah hutang dibahagi dengan Gross Domestic Product ataupun Pengeluaran Kasar Dalam Negara, cuma dengan cara itu sahaja dapat kita mengawal kedudukan hutang-hutang negara.

Selepas menjelaskan perkara itu, Tuan Yang di-Pertua, bila saya tengok Laporan Ekonomi Kementerian Kewangan baru-baru ini jumlah hutang negara sekarang telah meningkat sebanyak \$41 ribu juta. Ini terlampau banyak. Bila kewangan kita berkecukupan untuk belanjawan 1983, lebih kurang \$10 ribu juta lagi, Kerajaan akan meminjam sebanyak itu juga pada akhir tahun 1983. Pada hemat saya, kedudukan hutang negara ini akan meningkat sebanyak \$50 ribu juta. Macam mana kita hendak membayarnya?

Kedudukan pada masa ini di dalam budget 1983 menunjukkan bayaran hutang sahaja daripada Belanja Mengurus adalah bayaran yang terlalu terbesar kedudukannya, nombor dua terbesar sekali di dalam perbelanjaan negara untuk tahun 1983. Jadi pada hemat saya kita sekarang menuju ke hala menggadaikan masa hadapan kita, masa anak cucu kita untuk sekarang. Sama ada betul atau tidak dasar kita ini, nanti kita akan dicela di hari hadapan oleh anak cucu kita kerana menggadaikan hak masa hadapan mereka.

Jadi untuk pertanyaan saya, bagaimanakah Kerajaan akan mengurangkan pinjaman-pinjaman ini, ataupun membelanjakan wang seperti kita perseorangan—jika wang masuk gaji \$1,000 kita cuma belanja \$900 sudahlah, jangan kita pergi belanja melebihi-melebih. Apakah langkah-langkah Kerajaan yang patut diambil untuk mengurangkan hutang-hutang negara ini yang membebankan kita sekarang ini dan anak cucu kita di masa hadapan.

Tuan Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan

tentang nisbah ini. Saya tadi telah memberi definasi yang kita gunakan pada ketika ini, tetapi sama ada kita hendak pakai definasi yang diberi baru yakni jumlah hutang dibahagikan dengan Gross Domestic Product pada keseluruhannya bukan jumlah hutang dibahagikan dengan jumlah eksport, itu akan kita fikirkan sekali lagi.

Berkenaan dengan banyak hutang yang kita buat pada sekarang ini seolah-olah kita menggadaikan negara kita. Saya rasa, saya berpendapat yang agak berbeza sedikit, sebab seperti saya katakan dalam jawapan asal saya tadi pada ketika ini nisbah hutang kita hanyalah 2.6% bagi tahun 1981 dan mungkin naik pada 4.5% pada tahun 1982. Ini juga telah saya nyatakan satu peratusan yang agak kecil dibandingkan dengan keadaan hutang negara-negara lain.

Soal sama ada kita akan mengurangkan atau tidak hutang negara ini bergantunglah kepada projek-projek pembangunan kerana saya juga telah menyatakan bahawa hutang-hutang yang dibuat daripada luar negeri adalah bagi projek-projek yang dianggap produktif. Bagi kegunaan membayar gaji, bagi kegunaan lain-lain yang tidak produktif, kita harap akan menanggung daripada hasil negara yang kita kutip dari cukai dan sebagainya. Jadi biarlah saya memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat berkenaan kita sentiasa mengawasi dan kita tidak sekali-kali bertujuan hendak menggadaikan negara kita kepada negara luar dengan meminta membuat pinjaman-pinjaman.

Satu lagi perkara, barangkali juga mentadbirkan kewangan negara bukanlah seperti mentadbirkan wang persendirian. Kalau persendirian itu, kalau gaji kita \$1,000 harus kita belanja kurang daripada \$1,000 sebab orang-orang persendirian tak boleh kutip cukai sedangkan negara boleh dan negara ada ikhtiar-ikhtiar lain untuk mencari sumber-sumber kewangan.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, Saya seronok juga mendengar jawapan Timbalan Menteri fasal apa yang dikatakan itu pada pendapat saya adalah benar sebab mana

negeri pun dalam dunia ini kita tahu dia mesti berhutang bagi pembangunan negaranya, tetapi masalah membayarnya itu kebijaksanaan Kabinet atau pun Menteri yang berkenaan apa yang disesuaikan dengan khazanah negara kita ini. Jadi pada pendapat saya \$41 ribu juta tak ada banyak hutang itu, sebabnya khazanah dalam negara kita ini adalah beberapa billion, minyaknya di Pantai Terengganu, belum pantai Pahang tempat Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak ataupun pantai negeri Perak tempat saya banyak lagi minyak ini.

Saya bercakap begini sahaja, macam manakah matlamat Kementerian Kewangan masalah pinjam-meminjam dan masalah membayar, ini supaya Ahli Parlimen tahu, barangkali Ahli Parlimen sudah tahu tetapi saya tak tahu, masalah meminjam dan masalah membayar. Adakah Kerajaan kita ini membuat satu masalah meminjam di luar negeri ini tidak ada limit langsung, dia boleh pinjam berapa banyak orang beri pinjam dan tak ada limit langsung berapa tahun mau bayar. Dia buat hutang, Menteri sudah habis jadi Menteri besoknya dia beri Menteri baru terima hutang, misalnya (*Ketawa*), ataupun Kabinet Perdana Menteri, Dato' Seri Dr Mahathir masa ini buat hutang, nanti Perdana Menteri baru esok tanggung hutang misalnya, tetapi tidaklah saya mengatakan begitu, tetapi mungkin. Kalau kita tidak bermatlamat dalam negara kita ini fasal hutang dan bayarnya berapa limitnya—10 tahun, 5 tahun? Misalnya kita berhutang sekarang \$41 ribu juta, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Ahli-ahli Dewan ini berapa tahun anggarannya boleh dibayar. Adakah boleh diselesaikan dalam masa 4 tahun pilihanraya akan datang ataupun dalam masa 10 tahun ataupun bagaimana caranya matlamat berhutang dan ansuran hutang bagi negara kita ini.

Tuan Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya sebenarnya tak berapa pasti sama ada angka \$41 ribu juta ini betul atau tidak, ini barangkali dipetik dari suratkhbar sahaja. Soalannya saya hendak mencerita secara menyeluruh tentang hutang.

Yang pertama sekali hutang ini bukan dibuat sekali, dibuat banyak-banyak kali, masa itu ada setengah hutang itu sudah separuh bayaran, ada separuh hutang itu belum bayar habis semua, ada separuh hutang itu sudah tinggal sedikit lagi, jadi soalnya kita mengirakan hutang itu pada satu-satu ketika. Soalnya sama ada hutang ini dibuat, kemudian ini tidak ada sekatan atau had maksima, saya rasa itupun sudah saya terangkan tadi bahawa kita membuat pinjaman ini berdasarkan kepada kemampuan kita membayar balik. Jadi kalau kita fikirkan tidak mampu lagi membayarnya berdasar kepada jumlah eksport kita maka kita tidak akan membuat hutang-hutang yang dibuat itu, maklum sahaja seperti saya katakan tadi kita ini membuat hutang untuk membayar gaji, kita membuat hutang ini untuk pelaburan pembangunan. Jadi kalau sekiranya kita fikirkan kita kurang berupaya membayar sampai satu peringkat tertentu maka kita kurangkanlah projek-projek pembangunan kita. Jadi ini dari segi perkiraannya ada. Kita tidaklah meminjam hari ini harap sahaja orang lain besok hendak mati—matilah membayar, kita tidak begitu, kita pun berfikir juga. Barangkali entah Ahli Yang Berhormat besok pada waktu itu yang menjadi Menteri Kewangan, kita tidak tahu (*Ketawa*), jadi kita tidak hendak menyusahkan.

Dari segi kiraan-kiraan detail itu rasa saya tidak dapatlah saya berikan, misalnya berapa hutang yang kita ada sekarang, tiap-tiap hutang itu berapa tahun dan sebagainya tetapi pada keseluruhannya ada hutang itu grace period pun ada, maksudnya ada waktu yang dibolehkan tak bayar dahulu buat sementara waktu. Jadi hutang ini tidak sama dan tidak serupa semuanya, berbeza-beza dari satu pinjaman ke satu pinjaman yang lain, dan begitu juga dari segi peratusnya berbeza, dari satu sumber tempat kita meminjam dengan tempat yang lain. Soalnya, selagi negara kita kukuh dalam segi ekonomi, selagi kita merupakan pembayar hutang yang baik, selagi itulah kita senang mendapat pinjaman dengan agak kadar yang rendah dibandingkan dengan setengah-setengah negara yang sukar mendapat pinjaman wang dan kalau dapat

pun faedah yang dikenakan tinggi sedangkan kita senang mendapat pinjaman dengan kadar faedah yang amat menasabah. Itulah menunjukkan keadaan ekonomi kita masih kukuh dan juga ini adalah sebab pengurusan kewangan kita merupakan satu pengurusan yang agak berhati-hati (prudent).

Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan Timbalan Menteri Kewangan angka \$41 ribu juta itu adalah dicatat di dalam Laporan Ekonomi Kementerian Kewangan. Saya kurang faham kenapa Timbalan Menteri tidak tahu angka itu pada hal ada di dalam Laporan Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu. Adalah banyak negara menggunakan satu nisbah pinjaman luar negeri, nisbahnya adalah, pinjaman dibandingkan dengan Pengeluaran Kasar Negara (Gross Domestic Product), bukan dengan cara nisbah pinjaman dibandingkan dengan eksport. Jadi banyak angka-angka yang digunakan adalah 50% Seburuk-buruk negara Britain umpamanya pinjaman wang atau dipanggilnya 'public sector borrowing requirement' sekarang ditingkatkan cuma 42% daripada Pengeluaran Kadar Kasar Negara (GDP). Kalau kita bandingkan GDP pada masa sekarang cuma sebanyak \$37 ribu juta, pinjaman kita sebanyak \$41 ribu juta bukan lagi 50%, bukan lagi 42% tetapi 100% lebih daripada GDP. Jadi pendirian saya ini bukanlah satu soalan, bahawa adalah satu penerangan yang kurang difaham sekejap tadi.

Tuan Sabbaruddin Chik: Kalau penerangan, tak payah jawablah, Tuan Yang di-Pertua.

GURU PELATIH— JUMLAH BILANGAN

7. Tuan Loo Swee Mok minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah bilangan guru-guru pelatih semenjak dari tahun 1980 hingga hari ini mengikut tahun dan apakah kadar attrisi (attrition rate) dalam perkhidmatan pengajaran mengikut pengantar dan sama

ada bilangan guru-guru pelatih ini dapat memenuhi kekurangan guru-guru terlatih. Jika tidak, mengapa.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat bilangan guru-guru pelatih Maktab Perguruan Malaysia pada tahun 1980 ialah sebanyak 13,249 orang, 1981 sebanyak 12,033 orang dan pada tahun 1982 ialah sebanyak 11,843 orang.

Bilangan guru-guru pelatih ini memenuhi keperluan guru-guru terlatih yang dikehendaki oleh sekolah-sekolah berdasarkan kepada nisbah kelas/guru yang berkuatkuasa sekarang iaitu 1:1.2 bagi sekolah rendah dan 1:1.3 bagi sekolah menengah rendah. Bagi memenuhi keperluan guru-guru terlatih berdasarkan kepada cadangan nisbah kelas/guru yang baru iaitu 1:1.5 bagi sekolah rendah dan menengah, Kementerian Pelajaran telah mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk meningkatkan lagi bilangan pengambilan guru-guru pelatih ke Maktab-maktab perguruan.

Termasuk di dalam langkah-langkah ini ialah rancangan pembesaran beberapa buah maktab perguruan. Dengan ini dijangka lebih ramai lagi guru-guru dapat dilatih untuk memenuhi keperluan guru-guru terlatih.

Mengenai kadar, dengan izin, attrition rate mengikut media pengantar, kita tidak mempunyai angka-angka seperti itu. Walau bagaimanapun, pada umumnya ataupun pada keseluruhannya kadar 'attrition rate' itu kurang lebih 2% setahun. Bilangan guru-guru pelatih yang kita latih dalam satu-satu tahun itu sudah tentu tidak dapat memenuhi semua keperluan guru-guru terlatih di seluruh negara oleh kerana kita hanya boleh melatih sekian banyak dalam satu tahun.

KELAPA DAN KOKO— KEJATUHAN HARGA

8. Puan Ragayah binti Ariff minta Menteri Pertanian menyatakan apakah langkah Kementerian berkait dengan kejatuhan harga kelapa dan koko di pasaran sekarang, kerana kedua-dua bahan ini adalah menjadi sumber

rezeki kepada pekebun-pekebun kecil di seluruh tanah air dan sama ada Kementerian berkenaan bercadang untuk menjalankan penyelidikan ke arah mempelbagaikan penggunaan kelapa dengan mendirikan industri-industri kecil bagi memproses bahan-bahan tersebut.

Dato' Chin Hon Ngian: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar akan kejatuhan harga kelapa dan koko. Kejatuhan harga ini adalah sesuatu yang tidak terkawal oleh negara ini oleh kerana keadaan ini berpunca daripada keadaan ekonomi di dunia pada masa ini.

Kementerian saya sekarang mengambil langkah-langkah jangka pendek dan juga jangka panjang untuk memperbaiki dan meningkatkan pengeluaran serta pendapatan pekebun-pekebun kecil yang berkenaan.

Langkah jangka pendek ialah mengorientasikan pemikiran dan juga memberi latihan kepada pekebun-pekebun kecil dengan menitikberatkan aspek-aspek tanaman-tanaman ekonomik, ternakan haiwan, ternak air (aquaculture) serta pengurusan selaras dengan dasar baru Kerajaan mengenai kelapa.

Di dalam langkah jangka panjang pula, tanaman kelapa tidak lagi diberi keutamaan, sebaliknya tumpuan adalah diberi kepada peningkatan daya pengeluaran kawasan kelapa dengan menukarkan jenis tanaman kelapa kepada tanaman yang lebih ekonomik di mana sesuai, mewujudkan sistem perladangan bersepadu, sistem pengurusan berkelompok dan menggalakkan penubuhan industri-industri kecil berasaskan bahan-bahan pengeluaran pertanian seperti memproses koko, kopi, kelapa dan lain-lain.

Dari segi pemasaran, Kementerian saya melalui FAMA, sedang menyertai dalam pembelian kelapa dan kelapa kering untuk memudahkan pekebun-pekebun menjual hasil mereka melalui pusat-pusat memproses kelapa kering di Johor, Selangor, Perak, Kelantan, Sarawak dan Sabah. Pusat-pusat itu menawarkan harga yang berpatutan sejajar dengan pasaran.

Untuk mengurangkan amalan-amalan tidak adil, FAMA juga menguatkuasakan Rancangan Perlesenan supaya pekebun-pekebun tidak mengalami kerugian dari segi itu. Lawatan dan pemeriksaan oleh FAMA di atas kegiatan-kegiatan orang tengah melalui rancangan ini mengurangkan amalan-amalan tidak adil ini.

Dengan usaha-usaha ini bukan sahaja di bidang pengeluaran tetapi juga di dalam pemasaran, saya yakin bahawa kesan kemelesetan harga ini telah dapat dihadkan.

Berhubung dengan koko, beberapa tindakan sedang diambil bagi menyampaikan hasil kajian dan teknologi baru kepada pekebun-pekebun kecil koko untuk dipraktik dan diamalkan melalui latihan, perkhidmatan perkembangan dan nasihat melalui sistem 2L iaitu Latihan dengan Lawatan. Dalam masa yang sama juga bantuan input pengeluaran diberikan seperti benih, baja dan racun.

Kebun-kebun koko yang tua dan tidak bermutu akan dipulihkan dengan klon (baka) yang teruji dapat mengeluarkan hasil yang tinggi dan bermutu. Sebagai permulaan 4 kawasan telah dipilih untuk dipulihkan dengan tidak payah ditanam baru tetapi memadai dengan menggunakan teknik baru iaitu "top-budding" dengan izin. Kawasan-kawasan itu ialah Rungkup dan Hutan Melintang di Hilir Perak, Api-api dan Asam Jawa di Selangor serta Rengit di Johor.

Dari segi pemasaran usaha-usaha telah dan akan dijalankan oleh Kerajaan melalui agensi-agensinya berkenaan untuk mengatasi masalah kejatuhan harga koko. FAMA misalnya telah dan sedang menyertai pembelian dan pemerosesan biji koko kering dan basah melalui pusat memproses kokonya di Sabak Bernam dan beberapa pusat pemasaran yang lain di kawasan penanaman koko.

Rancangan Perlesenan koko juga dijalankan bertujuan mengurangkan amalan-amalan tidak adil dalam pemasaran hasil ini.

Pegawai-pegawai Penguatkuasa FAMA telah dan sedang membuat lawatan-lawatan dan pemeriksaan ke tempat-tempat belian biji koko tersebut untuk memastikan supaya

pembeli-pembeli swasta tidak mengambil kesempatan dari kejatuhan harga yang berlaku sekarang ini.

FAMA juga telah mengadakan kursus memproses koko di kalangan petani-petani dan setakat ini 500 orang pekebun-pekebun koko telah diberi kursus bagaimana cara memproses biji koko yang betul supaya dapat mengeluarkan koko yang bermutu tinggi. Di samping itu Kerajaan telah berusaha menghantar rombongan-rombongan perdagangan ke negeri-negeri yang menjadi pasaran baru untuk biji koko Malaysia seperti Jepun dan Amerika Syarikat demi menjaga pasaran yang lebih stabil tanpa bergantung sangat kepada pasaran tradisional seperti Jerman Barat dan England.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi pertanyaan No. 9 hingga 14 adalah diberi di bawah ini).

KEMELESETAN EKONOMI DUNIA

9. Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah kewangan yang dapat dijimatkan hasil dari usaha jimat cermat Kerajaan di dalam menghadapi masalah kemelesetan ekonomi dunia pada hari ini.

Tuan Sabbaruddin Chik: Sebagai satu langkah berjimat cermat, Kerajaan telah mengurangkan peruntukan anggaran Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan Tahun 1982 sebanyak \$3,489 juta. Dari jumlah tersebut sebanyak \$1,230 juta adalah di bawah Anggaran Perbelanjaan Mengurus dan sebanyak \$2,259 juta di bawah Anggaran Perbelanjaan Pembangunan. Di samping itu, Kerajaan juga telah mengeluarkan garis-garis panduan kepada semua Kementerian, Jabatan dan Agensi untuk berjimat cermat selaras dengan pengurangan peruntukan tersebut.

PELEPASAN CUKAI PENDAPATAN

10. Dato' Yap Peng minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau akan mengkaji semula dasar pelepasan cukai pendapatan supaya menggalakkan lebih ramai lagi bangsa-bangsa asing dan rakyat tempatan melabur wang di negara ini seperti dasar pelepasan cukai pendapatan di negara jiran (Singapura).

Tuan Sabbaruddin Chik: Pihak Kerajaan belum ada apa-apa cadangan untuk mengkaji semula pelepasan cukai pendapatan pada masa ini kerana kadar yang ada sekarang adalah difikirkan liberal dan mencukupi.

Berhubung dengan persoalan menggalakkan orang-orang tempatan dan orang-orang asing membuat pelaburan di negara ini, suka dijelaskan di sini bahawa pihak Kerajaan sememangnya telah menyediakan berbagai-bagai skim galakan cukai bagi tujuan ini seperti terkandung di dalam Akta Galakan Pelaburan 1968. Galakan-galakan yang terdapat dalam Akta ini adalah amat menarik dibandingkan dengan galakan-galakan negara lain dirantau ini. Akta Galakan Pelaburan ini sentiasa dikaji dari masa ke semasa supaya ia menjadi lebih berkesan untuk mencapai matlamat Kerajaan.

KELAS KEMAS DI- LADANG-LADANG

11. Tuan M.K. Muthusamy minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan bilangan kelas-kelas KEMAS yang telah diwujudkan di ladang-ladang dan adakah rancangan Kementeriannya untuk memberi peluang latihan melalui KEMAS kepada pekerja-pekerja ladang dan keluarga mereka.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Sanusi Junid): Aktiviti-aktiviti KEMAS yang dijalankan di ladang-ladang ialah Taman Bimbingan Kanak-kanak, Ekonomi Rumahtangga dan Kumpulan Latihan Kerja (Jahitan). Jumlah Kelas-kelas

KEMAS mengikut aktiviti-aktiviti adalah seperti berikut:

<i>Jenis Aktiviti</i>	<i>Bil. Kelas</i>	<i>Pemaju Masyarakat</i>	<i>Bil. Peserta</i>
1. Taman Bimbingan Kanak-kanak ..	23	23	598
2. Ekonomi Rumahtangga ..	17	15	315
3. Kumpulan Latihan Kerja ..	22	20	405
	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	62	58	1321
	<hr/>	<hr/>	<hr/>

Kedudukan bilangan kelas, Pelajar dan Pemaju Masyarakat adalah seperti di Lampiran 'A' yang berkembar. Memang telah menjadi hasrat Kementerian ini untuk memberi peluang latihan melalui aktiviti-aktiviti KEMAS kepada pekerja-pekerja

ladang dan keluarga mereka. Ini bergantunglah kepada keperluan dan kehendak masyarakat setempat ke atas sesuatu jenis latihan serta keupayaan Kementerian ini dari segi kewangan.

KELAS-KELAS KEMAJUAN MASYARAKAT YANG TERDAPAT DI LADANG-LADANG

<i>Negeri</i>	<i>Taman Bimbingan Kanak-kanak</i>			<i>Ekonomi Rumah Tangga</i>			<i>Kumpulan Latihan Kerja Jahitan</i>		
	<i>K</i>	<i>P</i>	<i>PM</i>	<i>K</i>	<i>P</i>	<i>PM</i>	<i>K</i>	<i>P</i>	<i>PM</i>
Perlis	—	—	—	—	—	—	1	15	1
Kedah	2	70	2	2	40	2	1	20	1
Pulau Pinang	—	—	—	2	30	1	2	30	1
Perak	—	—	—	—	—	—	—	—	—
Selangor	3	75	3	—	—	—	—	—	—
Wilayah Persekutuan ..	—	—	—	—	—	—	—	—	—
Negeri Sembilan	1	30	1	2	26	2	—	—	—
Melaka	—	—	—	3	65	2	3	60	2
Johor	10	243	10	8	154	8	15	283	15
Pahang	2	30	2	—	—	—	—	—	—
Terengganu	—	—	—	—	—	—	—	—	—
Kelantan	5	150	5	—	—	—	—	—	—
Sabah	—	—	—	—	—	—	—	—	—
Sarawak	—	—	—	—	—	—	—	—	—
JUMLAH ..	23	598	23	17	315	15	22	408	20

CATATAN:

K=Kumpulan/Kelas

P=Peserta/Pelajar

PM=Pemaju Masyarakat

LAMBANG IDENTITI KEBUDAYAAN MALAYSIA—PENGUNAAN NAMA DAN PERHIASAN

12. Tuan Haji Fadzil bin Ahmad minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa terdapat diberbagai tempat di negara kita sekarang pihak-pihak tertentu telah menggunakan nama-nama dan perhiasan yang TIDAK langsung melambangkan

identiti Kebudayaan Malaysia tulen, seperti di restoran-restoran kelas tinggi, tempat hiburan dan sebagainya dan jika sedar, apakah tindakan Kerajaan untuk membetulkan keadaan ini.

Timbalan Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan (Datin Paduka Chow Poh Kheng): Saya sedar bahawa terdapat tempat-tempat tertentu di negara kita seperti di hotel-hotel, restoran-restoran kelas tinggi, tempat

hiburan, tempat-tempat umum yang tidak melambangkan ciri-ciri keperibadian Malaysia. Ciri-ciri yang saya maksudkan ini bukan sahaja berkaitan dengan penggunaan nama-nama yang kurang tepat tetapi juga dari segi senihias, baik dalam mahu pun luar dan juga dari segi senibinanya. Suatu usaha ke arah menimbulkan kesedaran mengenai perkara ini sedang dibuat supaya pihak-pihak berkenaan memikirkkan dan berusaha ke arah mengenengahkan keperibadian Malaysia di tempat-tempat yang dimaksudkan.

Sebagai usaha permulaannya Kerajaan telah pun mengarahkan jabatan-jabatan dan agensi-agensi di bawahnya mengutamakan senibina dan senihias yang melambangkan ciri-ciri Kebangsaan Malaysia. Mereka adalah dikehendaki merujuk dan mendapat pandangan Kajian Seni Lukis dan Seni Reka Institut Teknologi Mara mengenai hal ini. Kerajaan juga sedang menimbang ke arah menubuhkan sebuah Pusat Senihias Kebangsaan di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam masa yang sesuai sebagai pusat rujukan mendapatkan motif-motif ukiran dan ciri-ciri yang berkaitan dengan senihias Kebangsaan. Buat permulaan ini, Kementerian berkenaan sudah sedia menerima rujukan dan permohonan-permohonan dan khidmat nasihat bagi mengadakan contoh-contoh senihias yang sesuai daripada Kerajaan-kerajaan Negeri seperti menyediakan motif-motif ukiran bagi Istana, Dewan Undangan Negeri dan Jabatan-jabatan Kerajaan yang lain-lain. Kerja-kerja ini juga adalah dijalankan secara penyelarasan usaha-usaha dengan Institut Teknologi Mara, Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia dan lain-lain Jabatan berkenaan. Bagi hotel-hotel pula, Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Standard Hotel di bawah Kementerian Perdagangan dan Perusahaan dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan garis-garis panduan mengenai ciri-ciri senibina, senihias, pakaian dan penamaan-penamaan ruang telah dibuat bagi rujukan pihak-pihak tertentu.

Kerajaan juga akan menubuhkan satu Jawatankuasa Penyelarasan dari segi senihias di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan keaanggotaannya terdiri

daripada institusi-institusi dan jabatan-jabatan berkenaan tadi, sementara menunggu Pusat Senihias itu diwujudkan.

Bagaimanapun, melalui Biro Khidmat Nasihat dan Penggerak Budaya yang ditubuhkan awal 1982 di Kementerian yang sama, rujukan mengenai motif-motif dan lambang-lambang senihias atau perkara-perkara lain berkenaan Kebudayaan bolehlah dibuat oleh pihak-pihak yang memerlukannya.

SYARIKAT DI BAWAH RECEIVERSHIP

13. Tuan Tan Chang Soong minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bilangan syarikat berdaftar yang telah turun ke keadaan amanah raya (receivership) sejak tahun 1981 hingga sekarang, kategori-kategori perniagaan bagi syarikat-syarikat tersebut dan samada kajian telah dibuat atas sebab-sebab kegagalan syarikat-syarikat tersebut dan apakah tindakan untuk memperbaiki keadaan itu.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Semenjak tahun 1981 hingga sekarang, sebanyak 60 buah syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat, 1965 telah diletakkan di bawah receivership. Memandangkan syarikat-syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat, 1965, diberi kuasa oleh memorandanya menjalankan lebih daripada satu kategori perniagaan, syarikat-syarikat ini tidak dapat dikelas mengikut kategori perniagaan. Nampaknya syarikat-syarikat ini diletakkan di bawah receivership kerana pengurusan yang tidak cekap dan oleh yang demikian tiada kajian mendalam mengenai kegagalan mereka telah dibuat.

PELAKSANAAN PELAN INDUK KUALA LUMPUR

14. Tuan Alexander Lee minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan bilakah tarikh yang ditetapkan untuk pelaksanaan Pelan Induk Kuala Lumpur ini.

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Pada bulan Ogos 1983, insya Allah.

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA KEBAWAH D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:—

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia dalam persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Pertama Parlimen Yang Keenam.” (10hb Disember, 1982).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana ramai Ahli-ahli yang ingin berucap, saya minta Yang Berhormat sekalian meringkaskan ucapan, walau bagaimanapun tidak lebih daripada 15 minit seorang. Jemput Dato' Kam Woon Wah.

3.40 ptg.

Dato' Kam Woon Wah: Tuan Yang di-Pertua, negara kita sekarang menghadapi kesulitan kewangan dari akibat kemelesetan dunia. Harga barang-barang kita telah jatuh tetapi harga barang-barang industri semakin naik. Janganlah mengharap sangat negara industri dapat menolong kita. Kita telah melihat cita-cita dari New International Order, Laporan Suruhanjaya Brandt, sidang Kemuncak di Cancun, Mexico. Kesemuanya dilancarkan dengan kebesaran tetapi telah dikuburkan. Segala anangan-anangan untuk membangunkan ekonomi dunia tidak akan berjaya kerana tiap-tiap negara mempertahankan kepentingan negaranya. Kita sebagai negara yang sedang membangun

tidak akan berharap mendapat pertolongan dari negara-negara lain. Apa yang kita harap dari mereka ialah hampasan dari mereka. Kita hendaklah bersatu dan menumpukan tenaga apa yang kita akan jalankan. Kita hendaklah menitikberatkan berdikari dan menguatkan diri kita sendiri. Kita tidak akan berharap negara industri akan memindahkan teknologinya ke negara kita ini. Ini telah berlaku di private Sektor walaupun perjanjian telah dimenterikan untuk membeli jentera-jentera dan kepandaian teknologi, tetapi perkara teknologi tidak juga dipindahkan ke negara kita. Kita tidak boleh menyalahkan mereka, kerana ini adalah hak kepentingan negara mereka sendiri.

Policy memandang ke Timur adalah permulaan untuk menghidupkan semangat orang kita supaya bekerja keras, bertambah discipline, bertambah jimat cermat, bertambah menerima perubahan dan lain-lainnya. Menghantar penuntut-penuntut ke Jepun dan Korea Selatan, tidak akan menjadi negara kita kuat dan maju, kerana kita tidak dapat menghantar ramai orang-orang kita ke sana. Berhubung dengan perkara ini, kita hendaklah mengkaji sistem pelajaran kita supaya dapat mengeluarkan penuntut yang mahir sejajar dengan kehendak negara ini. Kita mestilah mendirikan lebih banyak vocational atau trade schools bagi memenuhi kehendak negara.

Penduduk Malaysia hendaklah diberitahu yang mereka mestilah bekerja lebih keras dan tidak hanya bersenang-senang, menyebabkan mereka menjadi lemah, kurang bersemangat bertanding, kurang mengeluarkan hasil dan tidak berharga. Menghulur tangan meminta bantuan, tidak akan menolong sesiapa pun. Ini merosakkan mereka sendiri. Ini serupalah seperti seorang Towkey memberi bantuan kepada anaknya dan tidak menyuruh anaknya bekerja. Akhirnya segala kekayaan itu akan habis dalam masa 2 atau 3 keturunan—terkadang-kadang tidak sampai pada satu keturunan pun. Perkara ini akan berlaku kepada sesebuah negara. Ini telah pun berlaku di England, beberapa buah negara di Eropah, Australia dan negara-negara lain yang penduduknya cuma meminta gaji lebih dan kurang bekerja. Tidak ada cara lain dari cara lama iaitu

bekerja lebih dan berbelanja kurang. Jimat cermat adalah mustahak. Kita mestilah jangan membazir. Di Kuala Lumpur atau Singapura ada banyak kedai-kedai yang dihaskan untuk orang kaya baru. Kerajaan telah mengambil langkah yang bijaksana dengan memotong perbelanjaannya. Biasanya, lebih senang membelanjakan wang tetapi sangatlah susah untuk dapat menyimpannya.

Di mana-mana, di dalam dunia ini kita dapati Bangsa Pemandang biasanya lebih kuat bekerja. Bangsa, Ujama atau Kebudayaan tidak ada peranan dalam hal ini. Pengalaman kesusahan dan bahaya adalah menjadi pendorong kepada mereka untuk maju dalam kehidupan. Tidak ada bangsa atau kaum mempunyai monopoly bagi bekerja keras, berjimat cermat dan bersungguhan. Setiap bangsa atau kaum mempunyai unsur-unsur ini, bedanya ialah di antara peratusan sahaja. Ada sebuah pantun dalam bahasa Inggeris, Tuan Yang di-Pertua haraplah saya dibenarkan membacanya dalam bahasa Inggeris. Hanya 4 baris:

“Who never ate his bread in sorrow,
Who never spent his darksome hours,
Weeping and watching for the morrow,
He knows ye not, ye heavenly powers”.

Dari itu janganlah berasa iri hati di antara satu sama lain. Hendaklah kita pandang sesuatu hal itu dari segi kebangsaan bukan dari segi perkauman. Marilah kita bersatu menjadikan negara ini megah dan kuat.

Kerajaan di bawah anjuran Dr Mahathir berada di atas landasan yang betul. Ia telah mengucapkan negara dan Kerajaan menjadi serius cara pemerintahannya adalah baik kepada negara. Clock-in-system, name tag, disiplin, perjalanan kes-kes di Mahkamah, semuanya ini adalah petanda baik bagi negara kita. Sekarang marilah kita meninjau beberapa pejabat seperti Pendaftar, Pejabat Imigresen, dan Balai Polis di Bandar Kuala Lumpur. Banyak perubahan dalam masa beberapa bulan sahaja. Kakitangan Kerajaan di Kaunter semakin bersopan santun, bertambah cekap dan sedia memberi bantuan.

Ini adalah kemegahan bagi mereka dan diharap mereka akan menyambung perkhidmatan yang sedemikian. Ini adalah dari beberapa sebab kenapa orang awam menaruh kepercayaan kepada Kerajaan Barisan dan telah memilih mereka di pilihraya dalam bulan April lalu. Ada juga pejabat-pejabat Kerajaan yang masih mundur dan saya berharap mereka akan sedar dan akan memberi perkhidmatan yang baik bagi faedah negara. Mereka hendaklah menjalankan kerja mereka sedaya upaya bagi mencapai Kerajaan bersih, cekap dan amanah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Latip bin Haji Dris.

3.50 ptg.

Tuan Haji Latip bin Haji Dris: Tuan Yang di-Pertua, walaupun berbagai pandangan dan teguran serta cadangan telah diucap oleh Ahli-ahli Dewan yang mulia ini bagi membahaskan Titah Ucapan Diraja itu, oleh itu berbagai-bagai masalah telah dibangkitkan untuk perhatian dan tindakan pihak Kementerian yang bertanggungjawab mahupun agensi-agensi Kerajaan bagi kebaikan rakyat dan negara ini seluruhnya.

Bagi negeri-negeri di Semenanjung baru sahaja menyambut kemerdekaan 25 tahun. Bagi kami di Sarawak dan Sabah memasuki tahun ke-20 merdeka dalam Malaysia. Sepanjang tempoh masa 20 tahun Sarawak merdeka telah banyak perubahan dibuat oleh Kerajaan Pusat di negeri itu, seperti jalanraya baru, pelabuhan, lapangan terbang, hospital, sekolah, bangunan-bangunan jabatan Kerajaan dan berbagai-bagai lagi termasuklah rancangan perumahan untuk rakyat. Ini telah menjadi satu kenyataan dan bukti kepada rakyat yang memilih Kerajaan yang diamanahkan oleh rakyat. Walaupun demikian, malangnya negeri Sarawak dan rakyatnya masih lagi dalam senarai salah sebuah negeri yang mundur jika dibanding dengan banyak negeri dalam negara ini. Mungkin juga disebabkan negeri Sarawak itu yang besar kawasan buminya jika dibandingkan dengan negeri-negeri yang lain dalam Malaysia dan rakyatnya pula yang bertaburan di sana-sini. Dengan kerana

keadaan yang sangat berlainan ini maka kami rakyat dari negeri Sarawak tidak putus-putus bercakap berbagai masalah bagi membaiki keadaan segolongan besar rakyat dalam serba kekurangan, khasnya rakyat di daerah luar bandar dan pendalaman yang bergantung hidup sebagai nelayan, pekebun-pekebun kecil dan buruh kasar.

Kita memang bersetuju sangat di mana dalam Titah Diraja menekankan Kerajaan hari ini mengatur langkah bagi menghadapi masa hadapan yang lebih mencabar. Dalam Titah Diraja pula, menekan lebih hebat lagi usaha untuk mengimbangi pembangunan jasmani dan pembangunan rohaniah. Kita yakin Kerajaan kita hari ini berkemampuan sebagai sebuah Kerajaan yang diamanahkan rakyat dapat melaksanakan hasrat seperti terkandung dalam Titah Ucapan Seri Paduka yang dibentangkan di hadapan Dewan yang mulia ini sekarang. Dari keadaan yang sedemikian kami yakin Kementerian-kementerian dan agensi-agensi yang berkenaan tidak menganggap kami suka mengulang-ulangi ucapan-ucapan kepada perkara yang pernah kedengaran dalam Dewan yang mulia ini. Apa yang kami perkatakan adalah dari hati yang ikhlas bagi kepentingan rakyat di negeri kami. Bukan bertujuan untuk membuat publisiti ataupun mengecil-ngecilkan segala usaha dan perkhidmatan pihak Kerajaan yang berkenaan.

Sebagai sebuah Kerajaan mengamalkan demokrasi berparlimen yang dipilih oleh rakyat seluruhnya kami juga sebagai Ahli-ahli Dewan ini tidak terlepas daripada tanggungjawab kami untuk kebaikan, kesejahteraan dan keselamatan rakyat dan negara kita sama-sama cintai ini. Dari itulah kami menyebut masa berucap dalam Dewan ini perkara-perkara yang sangat diperlu oleh rakyat khususnya rakyat luar bandar yang serba kekurangan. Lagi perkara yang dikehendaki oleh rakyat belum menjadi satu kenyataan dan bukti kepada rakyat selagi itulah pada pendapat saya Ahli-ahli dalam Dewan ini berucap bagi mendesak atau meminta pertimbangan yang wajar kepada Kementerian yang berkenaan supaya Kerajaan yang kita sama-sama sokong

dengan sekuat-kuatnya ini memerintah negara ini berterusan sampai bila-bila masa, insya Allah.

Dalam Titah Ucapan Kebawah Duli juga menerangkan rasa amat sukacita Baginda kerana pilihanraya umum telah berlangsung dengan lancar dan teratur. Bagi negeri Sarawak mahupun negeri Sabah pilihanraya umum yang baru lalu itu hanya untuk Ahli-ahli Dewan-Rakyat sahaja tidak melibat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri seperti Dewan ini sedia maklum.

Dalam pilihanraya itu telah membuktikan sokongan kuat rakyat negara ini kepada Kerajaan hari ini. Bagi kami di Sarawak walaupun terdapat calon-calon Barisan Nasional tewas di tangan calon-calon bebas, pada anggapan saya, bukan bermakna pengundi-pengundi calon bebas yang menang itu menentang Kerajaan Barisan Nasional atau menentang pucuk pimpinan diperingkat negeri mahupun Pusat. Saya yakin kebanyakan pengundi-pengundi di kawasan berkenaan adalah menyokong Kerajaan dan pucuk pimpinan Kerajaan sekarang. Apa yang saya rasa sebab calon-calon Barisan Nasional tewas di tangan calon-calon bebas ialah kerana calon-calon itu pernah dulunya menjadi wakil rakyat di pihak Kerajaan di kawasan mereka bertanding. Tentulah di masa mereka sebagai wakil rakyat begitu lama di pihak Kerajaan banyak menabur budi dan memberi berbagai-bagai projek kecil kepada pengundi-pengundi di situ. Sudah pasti perkara seperti ini sukar untuk dilupa oleh pengundi-pengundi mereka. Di samping itu juga calon-calon bebas itu bukanlah orang yang menentang Kerajaan. Saya percaya mereka adalah penyokong Kerajaan walaupun mereka duduk sebagai wakil-wakil bebas dalam Dewan Rakyat sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik saya kepada akibat keadaan kemelesetan ekonomi yang dialami dunia sekarang ini yang melibatkan ekonomi negara kita juga terjejas di mana segala hasil pertanian yang dieksport seperti getah, kelapa, koko, lada hitam dan sagu harganya telah merosot. Sedangkan barang-barang keperluan rakyat harian tidak turun harganya. Memang kita akui selama ini segala usaha pihak Kerajaan bagi

mempertinggi keadaan taraf hidup pekebun-pekebun kecil di seluruh negara tidak dapat dinafikan. Walaupun demikian kesannya tidak begitu menggalakkan kepada pekebun-pekebun kecil di negara ini lebih-lebih lagi pekebun-pekebun kecil di luar bandar dan pendalaman negeri Sarawak.

Sekarang ramai di antara pekebun-pekebun kecil seperti saya sebut awal tadi di Sarawak terpaksa meninggalkan kampung halaman pergi mencari kerja sebagai buruh kasar kebanyakannya di bandar-bandar dan daerah-daerah yang banyak mendirikan bangunan-bangunan dengan gaji di antara \$10 hingga \$15 sehari. Oleh itu banyak terdapat kebun-kebun getah mereka menjadi hutan semula dan tanaman lada hitam pun begitu kekurangan. Oleh keadaan yang demikian, di sini saya mengesyorkan kepada Kementerian yang berkenaan supaya mengkaji dan menyelidik cara menyeluruh apa-apa bentuk atau tanaman yang boleh sesuai ditanam di tanah-tanah rakyat yang begitu luas terbiar tanpa memberi hasil seperti sekarang ini. Seperti Dewan ini sedia maklum makanan utama rakyat negara ini seperti beras pun masih kekurangan. Kita masih lagi membeli begitu banyak dari negara lain. Bagi negeri Sarawak, hampir separuh ataupun lebih daripada separuh keperluan beras negeri itu masih bergantung dengan negara lain.

Pada hemat saya sepatutnya bagi negeri Sarawak tidak kekurangan beras untuk keperluan rakyat di negeri itu. Kerana tanahnya terbentang begitu luas dan keadaan seperti ini sebelum terlambat, saya yakin Kementerian yang bertanggungjawab berusaha lebih-lebih lagi bagi memberi galakan bukan hanya seperti bantuan subsidi yang ada sekarang bahkan perbadanan yang tertentu hendaklah ditubuhkan ataupun Lembaga Padi dan Beras Negara yang ada sekarang ini diperbesarkan lagi khususnya untuk mentadbir, mengurus segala urusan seperti membuat sawah atau ladang padi seperti mana Lembaga Kemajuan Tanah dan lain-lain perbadanan membuka tanah untuk tanaman yang tertentu untuk eksport supaya beras di negara ini mencukupi untuk keperluan negara. Jika boleh biarlah negara ini menjual beras kepada negara lain. Di

samping itu dapat memberi pekerjaan kepada rakyat di luar-luar bandar seperti di Sarawak. Negara ini terkenal di dunia sebagai salah sebuah negara yang banyak mengeksport hasil pertanian dan petroliam. Malangnya beras untuk rakyat yang boleh ditanam di negara ini sendiri masih begitu banyak bergantung kepada beras negara lain.

Tuan Yang di-Pertua, jika sekiranya keadaan berterusan seperti yang dialami oleh pekebun kecil di daerah luar bandar seperti saya terangkan awal tadi, saya bimbang mungkin ada golongan anti Kerajaan mengambil kesempatan menanggung di air keruh, kerana golongan seperti ini sentiasa mencari kelemahan di pihak Kerajaan bagi mendapat sokongan rakyat. Saya yakin Kementerian yang berkenaan dapat mengatasi masalah yang dialami oleh pekebun-pekebun kecil tertentu bagi mengurangkan akibat tekanan kemelesetan ekonomi sekarang di mana mereka ini secara tidak langsung menjadi sasarannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyentuh sedikit berkenaan dengan Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak. Sebagai sebuah agensi Kerajaan diberi tanggungjawab bagi membuka tanah yang terbiar tanpa memberi hasil bagi memperbaiki taraf hidup golongan rakyat bumiputera yang berkenaan dengan membuat ladang kelapa sawit, getah mahupun koko seperti yang terdapat sekarang di Sarawak. Beberapa buah kilang memproses kelapa sawit di Sarawak pun telah mengeksport minyak kelapa sawit yang memberi hasil kepada negara kita ini. Pada mulanya LKTS untuk membuka tanah seperti di daerah saya di Ulu Mukah dan Balingan ditentang hebat juga dari rakyat. Walaupun demikian, dengan segala usaha daripada pihak-pihak yang berkenaan ini dapat diatasi.

Pada masa sekarang ini telah terbukti apa yang dirancang oleh Kerajaan itu adalah untuk kebaikan rakyat disekitar kawasan itu sendiri maka keadaan hidup mereka sekarang juga untuk ke arah yang lebih baik lagi jika dibandingkan dengan masa sebelum ada rancangan LKTS di situ dahulu. Tanpa rancangan ladang kelapa sawit LKTS sudah

tentu jalanraya besar walaupun sekarang masih berupa tanah begitu sahaja tidak akan wujud di situ.

(Dato' Sulaiman Ninam Shah *mempengerusikan Mesyuarat*)

Begitu juga kemudahan-kemudahan yang lain-lain seperti sekolah rendah dan sebagainya. Dahulunya kawasan itu dikelilingi dengan hutan rimba, mungkin juga tempat-tempat penjajah komunis bersembunyi. Sekarang telah berubah menjadi perkampungan yang baik, yang cantik dan rakyat di situ berasa bangga dan berterima kasih kepada Kerajaan dan LKTS atas usaha yang dibuat bagi mengubah keadaan hidup ke arah yang lebih baik. Dari tauladan seperti inilah kami harapkan Kerajaan Pusat dapat membangun kawasan yang terdapat tanah-tanah terbiar di negeri Sarawak itu.

Menyentuh kesukaran untuk mendapat daging lembu segar di Sarawak seperti yang dialami sekarang ini, ingin saya mengesyorkan kepada pihak yang berkenaan mahupun Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri Sarawak (SEDC) supaya mengkaji tempat-tempat yang sesuai untuk ternakan lembu daging atau lembu susu di Sarawak. Mengikut pandangan saya banyak tempat-tempat terdapat bekas-bekas hutan balak yang dikerjakan di tepi-tepi jalan di antara Sibu dan Bintulu luar hutang simpan Kerajaan yang boleh dimajukan untuk tempat ternakan lembu secara besar-besaran. Sekarang apa yang saya tahu SEDC membawa masuk lembu daging dari negara lain untuk daging segar dijual di bandar-bandar yang tertentu sahaja sedangkan rakyat di daerah luar bandar mendengar berita sahaja yang jarang-jarang dapat menikmati daging lembu segar itu.

Berbalik saya kepada SEDC ataupun MARA Negeri Sarawak yang terlibat dalam membuat kedai-kedai di luar bandar. Apa yang saya tahu seperti di pekan Mukah, tanah untuk tapak kedai telah begitu lama disediakan oleh Kerajaan, dan rakyat bumiputera yang berkecimpung dalam bidang perniagaan sekarang menyewa kedai

mahupun yang berminat untuk peniaga menunggu-nunggu begitu lama untuk memohon kedai-kedai yang dibuat oleh SEDC ataupun MARA itu. Mereka sering bertanya-tanya bilakah projek itu dibuat, nampaknya sampai hari ini tidak ada tanda-tanda projek itu dibuat dengan segera. Dengan kesempatan ini, saya mendesak pihak berkenaan supaya perkara ini diambil perhatian dan tindakan secepat yang boleh. Jika sekiranya pihak yang berkenaan berkehendakkan peniaga bumiputera itu sendiri membuatnya pun lebih baik lagi. Dengan cara lot-lot kedai itu diberi tender atau tawaran kepada bumiputera tempatan sahaja. Kerana apa yang saya tahu lot-lot kedai yang ditunggu-tunggu itu cuma tidak lebih daripada 10 pintu. Saya percaya peniaga bumiputera di situ masih berkemampuan untuk membelinya. Saya berharap pihak yang berkenaan dapat mengambil perhatian dan membuat dengan segeranya. Jika perkara seperti ini dilewatkan maka segala cita-cita Kerajaan mahupun Dasar Ekonomi Baru tidak dapat berjalan dengan lancar di daerah tersebut. Saya bimbang galakan atau peluang untuk bumiputera berniaga agak tersekat, mungkin juga matalamat Dasar Ekonomi Baru Kerajaan akan tercapai yang tinggal beberapa tahun sahaja lagi.

Dalam kesempatan ini kami mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pelajaran dan Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak atas perkhidmatan cemerlang bagi menjaya Dasar Pelajaran Kebangsaan dan kurikulum baharu. Memang sudah kena pada tempatnya Kementerian Pelajaran mendapat peruntukan yang lebih pada tiap-tiap tahun, oleh kerana pertambahan murid-murid baharu kian bertambah. Bagi negeri Sarawak seramai lebih kurang 30,000 murid baharu akan memasuki sekolah rendah dan begitu juga murid-murid memasuki sekolah menengah pada tahun hadapan. Pada tiap-tiap tahun maka pembukaan sekolah ibubapa murid-murid juga tidak ketinggalan sibuk dengan memberi berbagai persediaan untuk anak-anak mereka. Dalam keadaan begini ada yang terdapat begitu gembira sekali kerana anak-anak mereka dapat bersekolah. Di samping itu juga tidak kurang ibubapa berasa sedih lebih lagi yang mempunyai anak yang ramai

bersekolah disebabkan kehidupan mereka itu masih lagi dalam senarai kurang bernasib baik.

Bagi anak-anak yang masih kecil ini tidak mengetahui kesukaran ibu-bapa yang miskin begitu sukar untuk membeli apa-apa yang dikehendaki oleh anak-anak mereka termasuklah pakaian seragam murid-murid sekolah. Oleh itu di sini sukalah saya mengesyorkan kepada Kementerian ini supaya memberi bantuan pakaian seragam sekolah kepada murid-murid daripada keluarga yang tidak begitu berkemampuan untuk membelinya supaya bebanan ibu-bapa yang kurang bernasib baik itu dapat diringankan.

Tuan Yang di-Pertua, kami berasa sukacita dan menyokong hasrat Kerajaan bagi membina sebuah lagi universiti keenam. Ini membuktikan hasrat Kerajaan bagi memberi pelajaran kepada rakyat untuk mendapat ilmu pengetahuan kepada generasi baru negara ini bagi menjamin dan memberi nilai hidup yang lebih bermakna kepada bangsa dan negara di masa depan.

Di sini juga saya mengesyorkan kepada Kerajaan Pusat supaya universiti itu nanti dapat dibina di negeri Sarawak kerana negeri Sarawak seperti Dewan yang mulia ini sedia maklum perkara tanah tidak menjadi masalah untuk tapak universiti mahupun untuk pembangunan-pembangunan yang lain-lain, di samping itu juga boleh mengeratkan lagi perpaduan di kalangan negeri-negeri di Semenanjung dengan negeri-negeri Malaysia Timur.

Menyentuh kedaulatan Bahasa Kebangsaan, sekarang Sarawak hampir 20 tahun merdeka dalam Malaysia, bahasa rasmi Kerajaan adalah Bahasa Malaysia, walaupun Bahasa Malaysia menjadi Bahasa Kebangsaan yang disokong oleh segolongan besar rakyat negara ini nampaknya sampai hari ini sebahagian daripada sikap kakitangan Kerajaan ataupun Jabatan Kerajaan yang tertentu tidak begitu menggalakkan. Masih terdapat lagi surat-surat rasmi Kerajaan yang ditujukan kepada rakyat di kampung-

kampung walaupun dalam dua atau tiga baris dengan menggunakan bahasa Inggeris. Oleh keadaan begitu bolehkah pihak bertanggungjawab bagi mendaulatkan Bahasa Kebangsaan negara ini memberi arahan supaya surat-surat rasmi Kerajaan yang ditujukan kepada rakyat tempatan hendaklah ditulis dalam Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Kebangsaan

Dato' Sulaiman bin Ninam Shah: Yang Berhormat, saya suka mengingatkan masanya sudah lebih daripada yang dibenarkan, harap dapat pendekkan ucapan.

Tuan Haji Latip bin Haji Dris: Baik. Bagi mematuhi permintaan Tuan Yang di-Pertua, sekian sahajalah ucapan saya dan saya menyokong Usul di hadapan Dewan sekarang ini.

Dato' Sulaiman bin Ninam Shah: Terima Kasih. banyak. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka mengingatkan oleh sebab ramai yang hendak berucap-saya harap bila saya berucap minta Ahli Yang Berhormat lain duduk dahulu-banyak Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak berucap pada petang ini. Saya ingat masanya kalau dibahagi 15 minit pun tidak dapat hendak dihabiskan semua Ahli-ahli Yang Berhormat ini hendak berucap. Dari itu ada satu peluang diberi sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat ini tidak dapat berucap pada hari ini oleh sebab kesuntukan semua masa, kita beri keutamaan mereka berucap pada masa Budget dibahaskan nanti bagi menyenangkan sedikit kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Dengan ini saya jemput Yang Berhormat Tuan Kee Yong Wee.

4.15 ptg.

Tuan Kee Yong Wee: Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya ucapkan tahniah atas peluang yang diberi kepada saya untuk mengambil bahagian atas sokongan Usul Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Sebelum saya bercakap atas perkara yang lain, izinkan saya lafazkan sedikit sebanyak tentang masalah ekonomi negara kita yang kini merupakan isu-isu yang 'pressing' akibat

daripada kemerosotan ekonomi sedunia sekarang. Keadaan ekonomi yang tidak stabil ini telah menyebabkan kadar pertumbuhan ekonomi kita dijangka tidak melebihi 4% sahaja. Imbangan perdagangan pun menunjukkan kekurangan yang besar, akaun semasa imbangan pembayaran juga mencatatkan kurangan yang sama besar juga. Selaras dengan amalan kita menguruskan aliran kewangan dengan praktik dan bijaksana negara kita telah mengambil tindakan menyekat pertumbuhan perbelanjaan pinjaman Kerajaan pun hanya untuk pelaburan yang produktif sahaja.

Negara kita kecil dan masih banyak bergantung kepada telatah perdagangan antarabangsa dan eksport barang-barang keluaran utama seperti getah, bijih, kayu balak, minyak kelapa sawit, koko, minyak mentah dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan ekonomi yang tidak stabil ini bagaimana peniaga-peniaga kita, usahawan-usahawan dan rakyat jelata kita boleh mengubahsuaikan sistem pengurusan dan sikap mereka bagi menghadapi keadaan ini adalah menjadi perkara yang paling penting pada saat ini. Rakyat Malaysia telah lama menikmati kehidupan yang mewah. Oleh yang demikian memang tidak mudah bagi kita mengubahsuaikan keadaan semacam sekarang.

Saya berpendapat rakyat dari segenap lapisan seharusnya mempelajari daripada segala kesan yang buruk ini agar kita bersiap sedia bagi menghadapi segala kemungkinan yang akan ada sekarang. Di samping itu adalah wajar bagi pihak Kerajaan mencadangkan suatu pelan contingency (contingency plan) bagi menghadapi keadaan ekonomi resesi ini.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya mencadangkan langkah-langkah seperti berikut:

(a) Melalui insentif-insentif bagi menggalakkan pihak swasta mempertingkatkan produktiviti- produktiviti mereka dan mengurangkan pembaziran mereka.

(b) Menentukan mana-mana suatu sektor perindustrian dan perdagangan yang terdedah daripada kesan yang paling buruk akibat daripada kemerosotan ekonomi dan Kerajaan patut memberi bantuan dan bimbingan yang perlu.

(c) Membuka peluang pelaburan yang lebih luas untuk penglibatan berbilang kaum khususnya dalam lapangan perusahaan berat (heavy industry).

(d) Memajukan bermacam jenis perniagaan kecil agar ianya dapat memainkan peranan yang lebih penting dalam usaha mengurangkan kadar inflasi di negara kita.

Usaha-usaha juga patut dibuat oleh Kerajaan untuk memperbaiki teknik dan mutu keluarannya lebih-lebih penting lagi ialah mencari pasaran yang baru. Ingin saya mencadangkan di Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan patut menentukan tapak-tapak yang sesuai bagi perusahaan kecil khususnya di dalam Wilayah Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu Kerajaan patut melonggarkan sekatan-sekatan yang ketat terhadap perusahaan kecil, mempercepatkan proses kelulusan lesen dan mengambil langkah-langkah dan sikap yang lebih positif dan liberal dalam usaha untuk menyelesaikan masalah dan kesulitan yang dihadapi oleh pengusaha-pengusaha kecil itu.

Dalam keadaan ekonomi dunia yang semakin merosot, saya berpendapat pihak swasta agar memadai dengan menyambut baik seruan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad untuk melabur ke seberang laut. Langkah baru ini merupakan suatu percubaan yang amat baik dalam usaha mempelbagaikan ekonomi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, pihak swasta memang ada kebolehan dari segi pengalaman, pengurusan dan cara-cara perniagaan struktur kewangan dan sebagainya untuk menjalankan pelaburan seberang laut buat permulaannya. Saya yakin dan percaya melalui bimbingan yang baik dan kerjasama yang erat antara Kerajaan dan

pihak swasta, langkah yang positif ini tetap akan mendatangkan hasil yang baik untuk negara kita.

Dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda, Baginda telah menyentuh tentang perlu dan pentingnya perseimbangan dalam rohani dan jasmani. Ini amatlah penting ditegaskan. Pada pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua, masih wujud mengolongan kecil di kalangan masyarakat kita masih lemah dalam pemikirannya dan ini sudah terdedah kepada kesan-kesan buruk akibat daripada penyebaran ideologi dan ugama yang ekstrim, khususnya semacam yang dipraktikkan di negara Iran. Tanda-tanda menunjukkan bahawa adanya golongan-golongan yang cuba menanamkan pemikiran ekstrim ini kepada rakyat jelata. Perbuatan ini amatlah berbahaya dan boleh mengelirukan rakyat serta menjejaskan kestabilan keselamatan dan keharmonian sosial dan ekonomi dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang bertanggungjawab bagi menghapuskan penyebaran ideologi yang kurang sihat dengan mengambil tindakan-tindakan yang tegas terhadap mereka yang berbuat demikian.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya juga menyentuh sedikit sebanyak tentang cara-cara pelaksanaan dasar aturan peraturan Kerajaan kita yang ada terbukti bahawa melalui konsultasi (consultation) dengan pihak swasta dan pertubuhan-pertubuhan berkenaan seperti mengadakan sesi dialog sebelum Belanjawan Tahunan Kerajaan, kita telah dapat mengelakkan ketidakpuasan hati dan kurang senang hati di kalangan orangramai serta memastikan perlaksanaan undang-undang dengan licin dan lancar.

Saya yakin dan percaya jika perkara proses ini dapat dipraktikkan pada masa hadapan kelak, tidak akan wujud masalah seperti Akta Pertubuhan ditarik balik baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, tahun 1982 merupakan cabaran yang besar kepada seluruh rakyat dan negara, lebih-lebih lagi dari segi ekonomi. Memang menjadi kenyataan melalui kerjasama yang erat, keazaman dan keutuhan yang kuat daripada

pihak Kerajaan serta pihak swasta akan kami bersama-sama menghadapi cabaran baru pada tahun-tahun yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, saya dengan sukacita menyokong usul terima kasih atas Titah Ucapan D.Y.M.M. Seri Paduka kepada Yang di-Pertuan Agong. Sekian sahaja, terima kasih.

Dato' Sulaiman bin Ninam Shah: Datin Hajjah Mahimon binti Haji Harun.

4.25 ptg.

Datin Hajjah Mahimon binti Haji Harun: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil bahagian bagi membahaskan Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam upacara perasmian sedang mesyuarat Penggal Pertama Parlimen Keenam pada 11hb Oktober, 1982. Oleh yang demikian, saya memohon izin untuk memberi sedikit pandangan dan ulasan di atas Titah Ucapan Baginda itu dengan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada Baginda yang telah menyampaikan pesanan dan tanggungjawab kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga rakyat keseluruhannya melalui Dewan yang mulia. Marilah kita bersama-sama mengambil ingatan untuk membuat panduan menjalankan tugas-tugas yang telah diamanahkan itu semoga cita-cita dan hasrat Kerajaan yang didukung dapat berjalan dengan penuh tanggungjawab dan dedikasi terhadap pentadbiran negara kita yang dicintai dan dikasihi di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamed, Perdana Menteri kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan seumpama ini Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertua Agong sentiasa mengambil berat dan menekankan dalam usaha meninggikan syiar Islam terus diperingkatkan semoga dapatlah seluruh rakyat benar-benar sedar dan faham di atas lunas-lunas perundangan Islam. Dengan memahami petunjuk dan ajaran Islam ini, maka rakyat akan dapat menjauhkan perkara-perkara yang mungkar serta dapat pula memperkuat dan memperkukuh perpaduan di antara satu sama

lain, khasnya di antara kita sesama Islam sungguhpun amanat dan pesanan yang demikian telah berkali-kali disampaikan, kita masih lagi mendengar ada diantara kita sesama Islam masih bercanggah pendapat serta melakukan perbuatan yang bertentangan dengan undang-undang pentadbiran Ugama Islam di negeri-negeri seluruh Malaysia. Pada hemat saya tiap-tiap Kerajaan Negeri hendaklah benar-benar tegas dalam menjalankan undang-undang pentadbiran Ugama Islam di negeri masing-masing dan mengambil tindakan segera kepada sesiapa juga yang melanggar peraturan undang-undang pentadbiran Ugama Islam itu semoga fahaman-fahaman yang bertentangan dengan ajaran Ugama Islam mengikut Mazhab Imam Shafie kita yang ikuti tidak berterusan bercanggah dan ditentangi oleh sebilangan mereka yang hendak mendapat pengaruh dalam badan-badan pertubuhan politik mereka.

Perkara yang telah saya kemukakan ini adalah dalam kuasa Kerajaan Negeri masing-masing tetapi dengan jasa-jasa baik dan budi bicara pihak Jabatan Perdana Menteri akan dapat membincang dan berunding semoga perkara-perkara yang dibangkitkan itu tidak akan berterusan berlaku. Dengan berbuat demikian, saya berpendapat bahawa kita umat Islam akan terus kuat dan kekal bagi menjamin kestabilan, ketenteraman dan keselamatan negara kita yang dikasihi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan di sini di dalam tahun-tahun 70an kita telah diberitahu oleh Kementerian Pelajaran bahawa seramai 200 guru daripada England telah diimport ke negara kita untuk mengajar bahasa Inggeris, tetapi baru-baru ini di dalam suratkhbar saya telah membacanya dan didapati kononnya Kementerian Pelajaran akan mengambil guru-guru yang bersara untuk mengajar bahasa Inggeris.

Saya pun hairan, Tuan Yang di-Pertua, mereka sudah tua, sudah bersara, patutlah mereka berehat. Baru sebentar tadi Menteri Pelajaran telah memberitahu ramai guru-guru yang telah lulus dari maktab-maktab mulai daripada tahun 1980, berbelas-belas ribu, dan ada di antaranya boleh

menggantikan tempat orang-orang yang bersara itu untuk mengajar bahasa Inggeris. Mengapa kita tak gunakan tenaga mereka?

Saya dapati di Kuantan, Pahang, guru-guru yang boleh mengajar bahasa Inggeris disuruh mengajar kelas-kelas rendah, kelas-kelas bawahan. Jadi pelajaran atau ilmu yang ada pada mereka nampaknya makin sehari makin lenyap, makin sehari makin lenyak dan kita hendak ambil pula orang yang sudah bersara ini untuk menggantikan tempat mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedar bahawa negara kita hari ini sedang menghadapi kemelesetan ekonomi yang disebabkan tindak-tanduk negara-negara maju dalam bidang kejatuhan harga bahan-bahan berkenaan di pasaran dunia dan ini harus akan mengambil masa untuk memulihkannya. Namun demikian mengikut anggaran perbelanjaan bagi 1983, Kerajaan telah menaikkan cukai-cukai jualan, cukai perkhidmatan pos, cukai jalan dan lain-lain lagi. Maka dengan kenaikan cukai-cukai itu adalah diharapkan Kerajaan akan dapat menampung segala anggaran perbelanjaannya yang diuntukkan kepada Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan.

Adalah juga disyorkan supaya Kerajaan mengkaji dengan teliti bagi memudahkan tambahan pengeluaran lesen-lesen atau permit-permit perniagaan pada pihak-pihak yang membuat permohonan. Maka dengan berbuat demikian adalah diharapkan kutipan hasil negara akan bertambah dan apabila hasil negara bertambah, dapatlah Kerajaan menambah atau meluaskan lagi segala projek-projek pembangunan khasnya bagi rakyat di luar negeri.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda juga telah menekankan bahawa kemelesetan ekonomi Malaysia akan menimbulkan berbagai-bagai kesulitan khasnya rakyat di luar bandar. Oleh itu adalah diharapkan atas kenaikan segala jualan barang-barang keperluan, maka barang-barang keperluan ini sebelum dijual hendaklah mendapat kelulusan daripada Kementerian yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun negara kita menghadapi kemelesatan ekonomi, namun demikian Kerajaan berazam untuk meneruskan projek-projek sosio-ekonomi yang boleh membantu penduduk-penduduk di luar bandar yang berpendapatan rendah bagi meninggikan taraf hidup mereka.

Dalam melaksanakan projek-projek tersebut adalah diharapkan supaya Kerajaan mengadakan peruntukan yang cukup bagi projek-projek yang hendak dilaksanakan itu supaya kerja-kerja melaksanakan dapat berjalan dengan lancar dan licin.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga diminta berkali-kali untuk menyampaikan dukacitanya ibubapa yang ada di Kuantan khasnya dan saya percaya di tempat-tempat lain juga mengenai gambar-gambar yang ditayangkan oleh TV Malaysia iaitu ada dua gambar, satu "The Incredible Hulk", yang kedua "The Greatest American Hero". Ramai di antara kanak-kanak yang berumur 4 tahun ke 6 tahun yang cedera kerana mengikuti jejak langkah "The Greatest American Hero" tadi dengan mengikat kain di belakang terjun daripada tangga ke bawah, daripada atas meja ke bawah, daripada atas katil ke bawah. Mereka itu boleh dikatakan ada yang patah tangan, ada yang patah kaki, ada yang luka kepala, ada yang pecah bibir. Rasa saya gambar-gambar seumpama ini tidak harus ditunjukkan, macam seolah-olah tidak ada bermodal nampaknya. Eloklah dikaji semula tunjuklah atau tayanglah gambar-gambar yang memberi manfaat kepada kanak-kanak kecil.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga memberi sedikit pandangan di atas Kementerian Kesihatan mengenai bidang rawatan di Hospital-hospital Besar dan daerah-daerah yang mana pesakit-pesakit pergi menemui doktor-doktor untuk mendapatkan rawatan, tetapi malangnya kadangkala ada di antara ubat-ubat yang diberi itu tidak dapat diberikan kepada pesakit-pesakit dan telah dinasihatkan kepada mereka untuk membeli ubat-ubat ini di tempat-tempat menjual ubat.

Tuan Yang di-Pertua, sepanjang yang kita tahu jika ubat-ubat ini dibeli di dispensari-dispensari atau juga farmasi-farmasi

harganya lebih tinggi tidak seperti harga yang ditolakkan ke hospital. Satu contoh, pil kencing manis jika kita beli di luar harganya 35 sen, tetapi jika doktor pula membeli ubat hanya 13 sen, jadi berapa jauh bezanya?

Saya rasa Tuan Yang di-Pertua, pembelian ubat yang seumpama itu adalah merumitkan kepada mereka khasnya penduduk-penduduk daripada luar bandar yang miskin yang tidak mampu membelinya. Oleh hal yang demikian pada himat saya adalah menjadi tanggungjawab Kementerian Kesihatan membeli ubat-ubat yang difikirkan mustahak untuk keperluan hospital-hospital yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi kemusykilan yang saya hendak kemukakan kepada Kementerian Kesihatan ini adalah ganjil sedikit. Baru-baru ini saya telah menerima satu aduan iaitu pesakit-pesakit yang belum sembuh lagi disuruh balik. Pesakit-pesakit lain tidak hairanlah, kalau dia luka, kalau dia batuk, tetapi pesakit-pesakit jantung yang mana mereka ini perlu rawatan, mesti duduk dalam pandangan doktor sekurang-kurangnya 20 hari di hospital. Ini tidak sampai 5 hari disuruh balik, balik 2 hari masuk lagi, duduk di hospital seminggu disuruh balik, balik 2-3 hari balik semula masuk ke hospital sehingga akhirnya pesakit itu mati begitu sahaja (*Ketawa*). Dua kejadian berlaku baru-baru ini, pada tahun 1982 ini dua berlaku Tuan Yang di-Pertua. Jadi kalaulah doktor itu tidak mahu mengambil berat hendak menjaga pesakit-pesakit ini tidak ada makna dia menjadi doktor, tidak ada makna kita ada hospital; hospital besar, doktor ramai, kakitangan jururawat ramai, tetapi ubat tidak ada. Ini tidak ada makna juga. Saya sukalah memberitahu Dewan yang mulia ini di hospital ada satu tempat dinamakan ICU (*Intensive Care Unit*), duduklah dalam bilik sejuk itu seorang nurse menunggu di situ, saudara mara, ibubapa tidak boleh masuk, masuk tunggu giliran itupun mendapat kebenaran. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, ada pesakit yang mati 3 jam tidak disedari oleh nurse di situ. Ini telah berlaku perkara yang seumpama ini, baru-baru ini berlaku dalam tahun 1982 ini. Saya harap Kementerian Kesihatan memberitahulah kakitangan atau jururawat supaya tiap-tiap masa hendaklah

mengenal orang sakit itu, janganlah harap kepada pam bergembut, bergembut-gembut itu hidup, tetapi mereka sudah mati selama 3 jam, mesin itu bergerak, maklumlah karan ada lagi. Nyawa orang itu sudah tidak ada, tetapi benda itu bergerak juga. Saya rasa perkara seumpama ini hendaklah diatasi.

Dato' Sulaiman bin Ninam Shah: Masa cukup, dia tidak gembut lagilah (*Ketawa*).

Datin Hajjah Mahimon binti Haji Harun: Sedikit lagi. Baru-baru ini Kerajaan telah menaikkan bayaran rawatan hospital daripada lebih kurang 50% daripada bayaran asal. Ini termasuklah Kelas Satu dan Kelas Dua tidak termasuk Kelas Tiga mengikut apa yang saya baca dalam akhbar, tetapi pada hari semalam saya telah diberitahu isteri seorang buruh terpaksa membayar \$30 kerana memasuki hospital Kelas Tiga. Tuan Yang di-Pertua, kalaulah macam ini apa akan jadilah kepada rakyat kita tidak mahulah rasanya pada masa akan datang pergi mendapat rawatan di hospital kerana tidak mampu membayar. Saya harap Kementerian berilah penjelasan yang jelas kepada kakitangan hospital, mungkin ini salah terjemahan.

Dato' Sulaiman bin Ninam Shah: Cukup.

Datin Hajjah Mahimon binti Haji Harun: Sedikit lagi, Tuan Yang di-Pertua.....

Dato' Sulaiman bin Ninam Shah: Banyak Lagi?

Datin Hajjah Mahimon binti Harun: Tidak banyak.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri berkehendakkan satu sistem pentadbiran awam yang cekap, bersih dan amanah. Tetapi saya rasa pada masa ini masih lagi serupa seumpama yang telah sudah-sudah tidak ada perubahan, hanya berdua inilah melaung ke sana, melaung ke sini, tetapi tidak ada hasilnya. Saya harap perkara ini dapat diatasi.

Akhir sekali berkenaan dengan penuntut-penuntut yang belajar di luar negeri, iaitu di Amerika. Penuntut-penuntut ini mendapat bantuan daripada MARA. Semasa balik daripada Amerika ke tanahair diuruskan oleh pejabat yang berkenaan tetapi apabila hendak balik dari Malaysia ke Amerika maka ramai penuntut-penuntut kita terkandas di Subang, saya rasa semuanya tahu dan ibubapa sampai seminggu turun-naik pejabat itu kerana hendak menguruskan anak-anaknya. Saya harap di masa akan datang perkara seumpama ini tidak akan berlaku lagi.

Demikian sedikit sebanyak pandangan dapat saya kemukakan pada hari ini dan saya dengan sukacitanya menyokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah.

Dato' Sulaiman bin Ninam Shah: Dato' Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad.

4.42 ptg.

Dato' Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun juga untuk menyokong Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di dalam pembukaan Penggal yang Pertama, Parlimen yang Keenam pada 11hb Oktober, 1982.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ini banyak perkara-perkara yang telah dibangkitkan dan sepatutnya saya berpeluang menyentuh banyak perkara di dalam Titah Ucapan itu, tetapi oleh kerana masanya hanya 15 minit sahaja, jadi saya terpaksa sahaja menyentuh beberapa perkara sahaja, tidak sepertimana tahun lepas saya diberi peluang bercakap sampai 3 jam.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengulang apa yang dititahkan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di dalam titahnya yang akhir. Baginda bertitah, "Dalam tempoh masa Ahli-ahli Yang Berhormat memegang amanah ini dan berada di dalam Dewan ini rakyat akan membuat penelitian dan penilaian, jagalah nama baik

Dewan yang mulia, gunakanlah peluang dan kesempatan Dewan yang mulia ini untuk mencari penyelesaian kepada masalah rakyat. Jadikanlah Dewan yang mulia ini sebagai tempat menghasilkan pemikiran baru untuk kebahagiaan rakyat. Jadikanlah Dewan ini sebagai tempat merumuskan keputusan untuk kesejahteraan rakyat". Ini penghabisan daripada titah Baginda Yang di-Pertuan Agong. Walaupun titah ini kepada Ahli-ahli Dewan Rakyat tetapi pada pendapat saya termasuk juga Ahli Dewan Negara kerana kita juga sebahagian daripada Ahli Parlimen. Maka menurut titah Baginda itu diseluruhkan Ahli-ahli Dewan ini menghasilkan pemikiran baru untuk kebahagiaan rakyat.

Di dalam titah itu Baginda menyebut di antaranya, "Pilihanraya negara kita ini telah berakhir 25 tahun. 25 tahun hanyalah sedikit dalam sejarah sebuah negara, namun demikian kita telah menyusun setapak demi setapak dengan menumpukan minat yang teratur, kemerdekaan, pembangunan, perpaduan dan kini Kerajaan Beta di bawah pimpinan Perdana Menteri Beta yang dikasihi. Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad sedang melangkah ke arah sebuah negara yang benar-benar dihormati dan disegani oleh masyarakat antarabangsa". Begitulah titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Jadi apa yang dititahkan ini ada benarnya tetapi saya sukalah mengulaskan sedikit.

Berkenaan dengan perpaduan, sebagaimana yang dikatakan dalam negara kita ini yang sebenarnya perpaduan di dalam negara kita ini walaupun ada dan sebahagian besarnya memang ada tetapi perpaduan di dalam negara kita ini telah berkecai dengan sebab sebagaimana yang Tuan Yang di-Pertua sendiri mengetahui, iaitu angkara di antara parti-parti politik dalam negara kita. Di dalam pilihanraya yang lepas kerana masing-masing hendak berebut kuasa itu maka kita tengok seumpama parti-parti di sini telah menggunakan agama. Maka dengan menggunakan agama ini ada parti politik, saya tak payah sebut namanya, menggunakan agama itu sebagai satu perisai menuduhkan puak-puak yang lain sebagai terkeluar daripada agama Islam kalau tidak mengikut partinya itu.

Di negeri saya, Negeri Trengganu memang sudah menjadi luka yang besar di dalam hati rakyat jelata. Saya tidak tahulah bagaimana dasar Kerajaan kita boleh membiarkan perkara seumpama ini. Apabila perkara ini dibawa kepada Pihak Kerajaan, dia menjawab perkara ini perkara agama, boleh diatasi oleh Pihak Majlis Ugama atau Jabatan Ugama kerana pihak Pejabat Ugama ada mempunyai undang-undangnya sebagaimana yang telah diberi kuasa oleh Perlembagaan. Perlembagaan mengatakan perkara-perkara agama ini diserahkan kepada masing-masing. Jadi cakap-cakap yang seumpama ini memang ada benarnya tetapi dalam praktiknya ini tidak ada benar. Dengan sebab kuasa-kuasa yang diberi kepada Negeri di dalam Perlembagaan itu ada sedikit sahaja.

Sebagai contoh, saya suka menyebutkan di sini kuasa-kuasa kalau kita tengok dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu ataupun Perlembagaan Malaysia yang ada pada hari ini ada jadual-jadual yang dikatakan kuasa-kuasa Negeri dan kuasa-kuasa Persekutuan. Maka perkara-perkara agama ini termasuk dalam negeri, disebutkan haknya dalam perkara ini—nikah cerai, hal perkahwinan, hal anak-anak wakaf, harta pencarian, nazar dan sebagainya. Ini terpulang kepada Negeri dan terpulanglah kepada Negeri itu membuat undang-undang Mahkamah Syariah, dia boleh membicarakan kes itu. Tetapi sebaliknya kita tengok pada hari ini, sekarang ini tidak ada pula larangan kepada Mahkamah-mahkamah Sivil membicarakan perkara-perkara yang seumpama itu pula, seumpama harta wakaf, perkara ini juga dibicarakan di Mahkamah Sivil. Harta tanah, kerana perkara ini berhubung dengan tanah dia bicara dalam Pejabat Tanah. Pejabat Tanah kata dia ada kuasa kerana perkara ini perkara tanah, jadi apa kuasa di Mahkamah Syariah? Kemudian, ada pula satu clause dibuat di situ, kalau sekiranya keputusan Mahkamah Syariah berlawanan atau bertentangan dengan mana-mana mahkamah yang lain, maka keputusan Mahkamah Syariah itu adalah dengan sendirinya terbatal. Ini macam main-main. Inilah keadaan pemerintahan agama di dalam negeri-negeri di Malaysia kita masa sekarang ini. Jadi Mahkamah-mahkamah Syariah ini

ada kuasa tetapi kuasanya itu cukup terhad, dilanggar oleh Mahkamah Sivil, dilanggar oleh Pejabat Tanah dan lain-lain dan masing-masing membuat keputusan. Apakala keputusan itu berlawanan dengan Mahkamah Syariah mereka tidak peduli keputusan Mahkamah Syariah. Begitulah juga berhubung dengan perkara-perkara yang disebut dalam Undang-undang Pentadbiran Hukum Syarak di dalam negeri-negeri itu.

Seumpamanya larangan di dalam itu tak boleh menuduh orang-orang Islam kata kafir dan sebagainya, tetapi walaupun begitu Mahkamah Syariah tak dapat hendak menjalankan kuasa dengan sebab terlampau banyak dalam negeri penganjur-penganjur dan pemimpin parti politik itu terang-terang mengatakan mana-mana Kerajaan tidak menjalankan hukum Islam maka Kerajaan itu terkeluar daripada ugama Islam dan Kerajaan yang keluar daripada ugama Islam itu adalah kafir katanya, murtad dan kita tidak boleh bersekali dengan dia, sebab itulah sembelihan mereka itu haram dimakan dan macam-macam cakap dia. Maka percakapan-percakapan yang seumpamanya ini adalah menghasut tetapi apakala pihak polis mendengar dia kata itu perkara ugama. Hasut di dalam perkara ugama pun kita tidak boleh ambil tindakan selagi tidak berlaku sebagaimana di Batu Pahat iaitu berlakunya pertumpahan darah barulah boleh diambil tindakan. Ini satu perkara ajaib, Kerajaan kita tentu tahu Akta menghasut ini ialah boleh menjejaskan kewibawaan Kerajaan ataupun Raja itu sendiri ataupun ketenteraman rakyat di dalam negeri itu. Itu namanya menghasut.

Sebagaimana pada satu masa dalam tahun 1971 Pengarang *Utusan Melayu* pada masa itu Melan Abdullah telah menulis di dalam *Utusan Melayu* tatkala Yang Amat Berhormat Dato' Musa Hitam menjadi Menteri Pelajaran pada masa itu, mengatakan Kerajaan akan membuat sekolah menegah aliran Melayu, maka ditulis dalam *Utusan Melayu* mengatakan: Hapuskanlah sekolah menengah aliran Tamil dan China. Jadi Kerajaan telah mengambil tindakan menghela Melan Abdullah di dalam mahkamah menuduh yang dia itu menghasut

dengan perkataan itu sahaja. Bukankah jauh, bila kata begitu dituduh menghasut dan dibawa ke mahkamah tetapi orang yang mengatakan Kerajaan yang ada ini Kerajaan bukan Islam dan orang yang tidak menyokong partinya keluar daripada Islam dan mengatakan berbagai-bagai, ini tidak ada apa-apa.

Sebab itulah saya kata maka mana ada ketenteraman, mana ada perpaduan di dalam negara berkenaan dengan Islam sama Islam. Kemudian tidak ada pula perpaduan di antara Islam dengan bukan Islam kerana undang-undang yang dibuat itu pula ada undang-undang kebangsaan yang mengenai seluruh penduduk sama ada Islam atau bukan Islam iaitu seumpama Undang-undang Kanun Keseksaan negara ataupun Penal Code, ada pula undang-undang yang berdasarkan pentadbiran Islam sahaja macam Undang-undang Pentadbiran Hukum Syarak.

Jadi inilah timbulnya di dalam negara kita macam perkara khalawat, perkara 'liwat' dan sebagainya. Maka kalau berlaku di antara orang Islam dengan bukan Islam, yang kena pada orang Islam sahaja. Perkara yang seumpama ini tidak ada perpaduan. Ini yang menyebabkan orang Islam sakit hati pada hal perkara-perkara yang seumpama ini boleh dibuat dengan undang-undang kebangsaan. Apalah salahnya seumpamanya kalau Kerajaan telah memasukkan kesalahan 'liwat' ataupun homosexual sebagai satu kesalahan, siapa yang melakukannya tidak kira sama ada dia Islam atau bukan Islam, memang salah, boleh dihela ke mahkamah. Maka kalau orang yang melakukan perhubungan jenis yang haram, dia juga salah sebagaimana di negeri China. Ataupun orang yang minum minuman keras, dia dikatakan salah kerana setahu saya di negeri India pun memang kata salah bukan kerana ugama tetapi perkara itu tidak baik dan menjatuhkan moral, dia mengharamkan. Banyak dalam dunia ini mengharamkan perkara-perkara yang seumpama itu.

Kalau kita buat di Malaysia ini tidak ada apa-apa, tidak boleh dikatakan Malaysia ini satu Kerajaan yang terkebelakang tetapi tidak dibuat, dengan sebab itu tidak ada

perpaduan 100%. Jadi saya harap dan saya fikir ini sudah sampai masanya pihak Kerajaan memikirkan balik kesalahan-kesalahan yang seumpama ini patut dibuat di dalam undang-undang kebangsaan bukan berdasarkan kepada undang-undang ugama.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan slogan Kerajaan 'Bersih, Cekap dan Amanah' memang adalah satu slogan yang patut kita junjung tinggi dan inilah yang menjadi matlamat kepada Kerajaan dan kepada rakyat jelata sekalian. Saya hendak bercakap dua tiga perkara dalam perkara yang seumpama ini. Kerajaan sekarang banyak memikirkan kebajikan kepada rakyat sekalian. Satu daripadanya masalah pencen, misalnya pegawai-pegawai Kerajaan diberi pencen. Ini satu perkara yang sangat bagus dan ini adalah satu kebajikan kepada pegawai-pegawai ini. Maka orang yang bekerja dengan Kerajaan pada masa dahulu yang tidak dapat pencen, diberi pencen sehingga orang yang bergaji hari macam buruh-buruh pun dimasukkan ke dalam jawatan berpencen, apabila dia berhenti kerja sampai umur 55 tahun, dapat pencen. Tetapi malangnya pula ada Pegawai-pegawai Kerajaan yang sehingga sekarang ini tidak dapat pencen walaupun gajinya adalah bergaji bulan. Semasa saya hendak datang ke sini, saya berjumpa dengan seorang sahabat saya yang menjadi Pegawai Rancangan Tanah Pinggir, Negeri Trengganu. Pegawai Rancangan Tanah Pinggir ini bukan di negeri Terengganu sahaja, Tuan Yang di-Pertua, tetapi ada di semua negeri—ada di negeri Johor, negeri Perak, Kedah semuanya ada melainkan di Kelantan dan Sabah sahaja tidak ada, nama lain; di Kelantan nama lain dan di Sabah nama lain; yang lain itu sama iaitu Pegawai Rancangan Tanah Pinggir Negeri Trengganu. Daripada tahun 1962 gaji pada masa itu \$148 apakala Skim Gaji Suffian dia ada dimasukkan di bawah Skim Suffian.

Dato' Sulaiman bin Ninam Shah: Masa cukup.

Dato' Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Minta sedikit lagi, biar saya habiskan perkara ini kerana kalau saya tidak habiskan, tidak sampailah maksudnya.

Apakala Skim Gaji Kabinet diadakan, dia dimasukkan di bawah Gaji Kabinet. Pegawai luarnya iaitu Penyelia Negeri Bergaji maksima sampai \$1,600 tetapi sayangnya dia tidak dapat satu kemudahan pun selain daripada tidak dapat pencen, dia tidak dapat pinjam perumahan, tidak dapat pinjaman beli basikal ataupun motosikal ataupun motokar, semua tidak dapat. Ada kawan-kawan yang sudah berhenti, begitu sahaja berhenti terus, apa halnya, sudah merayu hingga tidak dapat hendak merayu lagi.

Jadi itulah saya hairan langkah Kerajaan macam ini, ada yang dapat rahmat dan ada yang dapat laknat macam itu. Sepatutnya apakala mendapat rahmat, rahmatlah semua sekali. Di mana JPA meletakkan timbangannya? Kalau kita tengok kepada orang-orang yang dapat pencen, orang-orang politik kadang-kadang mendapat sampai 2-3-4 pencen. Satu lagi macam pencen orang yang berkhidmat sebagai Wakil Rakyat daripada mula-mula dahulu iaitu tahun 1954 mula-mula menjadi Wakil Rakyat tidak dapat pencen. Itupun dia berjumpa saya mengatakan: Macamana ini, kita yang mula-mula sekali berjuang kerana merdeka, kita pilihanraya tahun 1954 sampai tahun 1959 tetapi apakala keluar Undang-undang Pencen kita tidak dapat. Orang yang dapat ialah daripada tahun 1959 hingga sekarang. Saya pun hairan apakah sebabnya tidak dapat itu.

Di samping Pegawai Rancangan Tanah Pinggir ini tidak dapat, ada juga Wakil Rakyat yang berkhidmat sebelum merdeka pada tahun 1954 tidak dapat juga sampai sekarang. Saya fikir kalau sekiranya ada silap di dalam Undang-undang Pencen itu baiklah takkanlah maknanya sebab silap seorang itu terbang berapa ramai. Orang yang menjayakan Malaysia ini di dalam kemerdekaan ini tertinggal begitu sahaja. Pada hal kita tahu, Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Dewan Negara sekarang ini 3 tahun berkhidmat dapat pencen, mereka itu daripada tahun 1954 sampai tahun 1959-5 tahun berkhidmat.

Dato' Sulaiman bin Ninam Shah: Cukuplah.

Dato' Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Terima kasih.

Dato' Sulaiman Ninam Shah: Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah.

5.00 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sebelum saya mengusulkan dua tiga pendapat yang sangat terhad, saya potong tiga empat Kementerian yang saya hendak bercakap.

Pertama sekali saya rasa masalah Dewan Negara kita yang ada hari ini haruslah dianalisa balik, diperbesar ataupun dipermodenkan sedikit mengikut keadaan-keadaan masa sekarang. Salah satu rasa saya termasuklah dekat jam di sana dibuat satu peta yang menunjukkan Malaysia dengan laut, pulaunya yang indah dibentangkan di sana sebagai satu simbol keagongan, keunggulan Dewan ini, dan di anjung Parlimen, di depan Parlimen ini sudah sampai masanya harus dibuat satu anjung yang meragamkan, yang menyerapkan kebudayaan bangsa kita, menyerapkan lambang kebudayaan bangsa kita. Saya harap orang-orang yang berkuasa dalam bahagian Parlimen ini mengambil balik, supaya ditunjukkan kepada dunia kita benar-benar satu bangsa yang berdaulat, yang berkebudayaan dan identiti kita sendiri sebagai lain-lain bangsa besar dalam dunia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya pendekkan ucapan saya di sini dan menyentuh hanya empat Kementerian sahaja yang saya rasa penting, harus kita hati-hati dan harus Kerajaan kita yang menerajukannya mengambil daya utama yang penting demi keutuhan negara dan rakyat Malaysia kita hari ini dan seribu tahun akan datang selagi ada hidup bangsa kita di dalam negara kita ini.

Saya hendak menyentuh dahulu tentang keutuhan keselamatan yang penting di mana-mana negeri dalam dunia ini, nombor satu

ialah keselamatan, menjaga ketenteraman, menjaga kebaikan, keamanan dalam negara. Kalau ini tidak ada, tidak guna kaya-raya, tidak guna gah nama, tidak guna apa sahaja, saya ingat kita tidak ada tenteram, tidak ada keamanan, tidak ada gunanya semua. Sebab itu saya hendak menyebut perkara Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dahulu.

Polis kita mestilah diperbesar. RELA yang dua tahun dahulu saya suruh ambil supaya diramaikan sampai 500,000 orang, saya tidak tahu sekarang adakah dibuat atau tidak, mesti jelas, mesti dibuat 500,000 orang atau lebih. Selagi kita hendak majukan negara kita ini, selagi kita hendak membuat satu rancangan dinamik supaya negara kita maju, sihat, makmur semuanya, selagi itulah seganding ketenteraman dan kekuatan, keselamatan menjaga negeri kita, dalam negeri kita khususnya daripada subversif komunis, daripada subversif yang mengedarkan dadah, daripada subversif orang-orang yang bermuka dua, daripada berbagai-bagai angkara murka, daripada luar negeri jiran yang harus kita berhati-hati, sebab kadang-kadang kawan jadi lawan. Dalam dunia yang moden ini kadang-kadang kawan jadi lawan, kadang-kadang lawan jadi kawan. Sebab itu kita berwaspada. Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri kuatkan RELA ini, beri senjata. Seluruh kampung kita harus dikawal, kita beringat sebelum kena, kita sudah selalu terjadi di negara kita ini dan bahaya-bahaya komunis daripada dahulu sampai sekarang belum habis, bahaya-bahaya daripada luar belum habis, sampai sekarang belum habis, ada lagi. Sebab itu saya mengusulkan kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, kuatkan lagi Pasukan Polis ini, beri senjata kepada RELA, dan dibesarkan RELA ini, seluruh kampung mesti adakan RELA, seluruh kampung mesti ada kekuatan senjata, bagi senjata cepat, jangan senapang patah, beri senjata moden. Tidak ada gunanya kemajuan ataupun apa-apa kemegahan lain kalau tidak terjamin keselamatan kita, khususnya kampung harus kita bela, sebab di kampunglah tempat yang penting sangat kita membuka mata seluas-luasnya bagi

keselamatan rakyat kita yang nasibnya kurang terjamin jika dibandingkan dengan orang-orang yang duduk di bandar.

Saya hendak tengok ucapan saya ini akan diikuti oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, sungguhpun banyak Menteri-menteri yang ditulis di depan sini tetapi kosong sahaja, nampaknya biarlah saya bercakap dengan label Menteri itu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, nombor dua saya hendak bercakap kepada Menteri Pertahanan. Ada saya dengar dipotong lagi Belanjawan Kementerian Pertahanan, dipotong peruntukan yang diuntukkan kepada Pasukan Bersenjata kita iaitu Tentera Darat, Tentera Laut, dan Tentera Udara kita. Saya amat dukacita. Kalaulah Menteri Pertahanan ada dalam Dewan ini, saya hendak soal, apa sebab? Sebabnya laut, udaranya, daratnya harus terkawal, harus terjamin, harus sepanjang masa waspada. Perbelanjaannya janganlah takut walaupun sekali ganda besar, kita cari wang, tadi kita baru sebutkan berapa ribu juta ringgit yang kita pinjam. Wang itu nombor satu diberikan kepada tentera kita, kawalan laut, darat, udara kita dengan sekuat-kuatnya.

Kepada Menteri Pertahanan, saya hendak beri tahu supaya dikaji semula, kalau dipotong, bagi balik peruntukan wang ini. Tentera kita harus dikuatkan, kawalannya harus ditetapkan macam biasa dan jangan dimasukkan anasir-anasir lain dalam tentera kita, harus dikawal terus. Ada saya terbaca dalam suratkhobar, saya harap itu khabar angin sahaja. Ada pula yang masuk Trade Union dalam Tentera Laut, dan saya harap itu jangan jadi satu berita yang benar, saya harap tidak benar. Sebab tentera mesti terus sebagai tentera, tentera harus mempunyai disiplin yang utuh demi keselamatan negara. Sebab itu saya mengingatkan kepada Kementerian Pertahanan, ia tak ia, kalau tidak iapun harus dia waspada. Tentera kita tetap tentera, terkawal dan terus menjadi tentera yang bebas lepas daripada segala trade union, daripada segala yang lain-lainnya, sebab kita tahu sejarah menunjukkan kalau tentera masuk dalam bahagian politik atau union, alamat negara itu akan hancur.

Tuan Yang di-Pertua, lepas itu saya hendak bercakap mengenai Kementerian Luar Negeri. Saya sudah rindu dengan Menteri Luar Negeri kita yang baru. Dia tiada di sini. Kalau ada dia tentu selalunya cepat marah. Saya khabar dia jangan marah, Pengerusi pun jangan marah, kalau hendak marah sahaja, apa guna kita ada di Dewan ini, baik kita lari keluar semua, kosong sahaja tempat ini Tetapi maaf, Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh Kementerian Luar Negeri. Berhubung dengan hal ehwal Kementerian Luar Negeri ini, saya angkat salute kepada Perdana Menteri kita yang telah membawa satu maruah bangsa kita di seluruh Asia, di seluruh negeri-negeri Islam dan di Bangsa-bangsa Bersatu. Dia berkata terus terang, inilah yang kita rasa bangga dan syukur, kerana hidup balik zaman Bendahara Seri Maharaja di masa keagungan negara Melaka zaman dahulu, berani berterus terang mengatakan walau di depan sesiapa pun.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir, Perdana Menteri kita memperkatakan kepada seluruh negara Islam, seluruh Asia, seluruh negeri Afrika dan seluruh dunia di Bangsa-bangsa Bersatu, tegas dia mengkritik siapa sahaja mahupun Amerika, Russia, China ataupun Orang Puteh atau siapa-siapa. Kadangkala mengkritik di Bangsa-bangsa Bersatu itu sekarang katanya banyak negara yang mundur, banyak perkara yang terbengkalai, yang dikuasai oleh kuasa-kuasa yang tertentu yang sepatutnya tidak begitu di zaman dunia yang berkemajuan dan moden pada hari ini. Itu memang benar. Lima kuasa dunia ini seperti Russia, Amerika Syarikat, British, France dan China mempunyai kuasa veto di sana walaupun 100 ataupun 151 bangsa sudah menyatakan itulah keputusan-keputusannya, tetapi boleh dengan lima kuasa ini membatalkan itu semua. Inilah salah satu mungkin Perdana Menteri kita kadangkala berkata keputusan-keputusan itu mengecewakan. Jadi, saya meringkaskan, ini maklumat kita memberi bayangan bangsa kita Malaysia di luar negeri. Saya rasa sudah cukup dengan adanya Perdana Menteri kita yang berani terus-terang menyatakan sesuatu dalam pertubuhan dunia daripada segi

ekonomi dan siasah luar negeri, maka saya rasa ini membanggakan.

Sekadar saya hendak ingatkan kepada Menteri Luar satu benda, misalnya, benda memandang ke Timur. Kita membuat ini dengan ada sesuatu titik yang tertentu, bukan keseluruhannya pandang ke Korea, tidak, hanya menentukan dalam kerajinan, sifat bekerja memenuhi waktu, kerja bertungkus-lumus, bersungguh-sungguh, kemajuan teknologi dan sebagainya yang kita patut hitung, bukan dalam semua segi, ini harus difahamkan. Kita dalam semua segi ada dalam bangsa kita sendiri. Kita ada disemadikan dalam keimanan kita kepada Tuhan dan dalam Islam kita memuji sifat Nabi besar kita Muhammad iaitu siddiq, amanah, tabliq dan fatanah cukup menjadi jaminan untuk menjadi suatu bangsa yang kuat, dinamis, suci, bersih, berkepercayaan begitu-begini semuanya. Tetapi dia memandu dengan mengambil satu ayat yang dikatakan oleh Nabi besar kita suatu masa, masa itu masa Nabi kita yang masyhur dalam sejarah dunia baginda suruh umatnya belajar walaupun sampai ke negeri China. Jadi, Perdana Menteri tidak salah menyebut ambillah, ubah dan pandang ke Timur iaitu ke Jepun dan ke Korea. Ini bermakna beliau suruh belajar apa yang baik, terima apa yang baik yang disuruh oleh ugama Islam dan tidak ditentang oleh Islam. Belajar menambah ilmu, mencari pengetahuan, mencari kekuatan, mencari rahsia-rahsia kemajuan alam, kemajuan besar ini memang disuruh seperti disuruh oleh Nabi kita sendiri kepada pengikut-pengikutnya sendiri supaya belajar hingga ke negeri China.

Jadi, saya hendak hubungkan ini kerana ini walaupun nampaknya kecil tetapi ada banyak implikasinya yang merbahaya jika ini tidak kita tegaskan sebenar-benarnya, di samping kita juga mempunyai ketentuan dan prinsip kita di dalam Islam yang nyata yang tidak ada tandingnya daripada semua manusia di dalam dunia ini, iaitu sifat siddiq, amanah, tabliq dan fatanah yang masyhur itu.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan dasar luar negeri iaitu diplomasi kita kepada dunia, saya berharap terutamanya kepada

Kementerian Luar, kepada para-para pemimpin bahawa kita harus berani, sedar dan seberapa yang boleh di dunia kita tidak mahu banyak musuh. Kita tidak mahu banyak orang memandang kita lain ataupun kita tidak mahu banyak orang berkata pergilah Malaysia, awak itu setitik sahaja, kecil, hendak cakap besar. Ini ada lojiknya, tetapi ini saya hendak sebut dengan apa yang dibuat oleh dua gergasi besar dalam dunia bulan Oktober yang sudah. Ini harus menjadi tauladan kepada Kementerian Luar Negeri kita menjalankan diplomatik kita kepada seluruh dunia supaya rancangan ekonomi, rancangan politik, rancangan perhubungan luar kita seluruh dunia, akan mendapat tempat yang sewajarnya. Apa yang dihantar oleh Amerika dalam bulan Oktober? Dia kata dia hantar fasal mati Brezhnev. Tetapi yang sebenarnya dia hantar 200 orang suruh berbincang soal ekonomi. Walaupun dua gergasi dunia ini berlawanan ideologi tetapi kononnya demokrasi dunia ala Amerika, satu fahaman komunis beruang ala Russia sendiri. Walaupun mereka memang bertentangan hebat antara dua negara tetapi Amerika dalam secara diplomasi dunia mahu mencantumkan perniagaan di antara dua negara. Bulan Oktober 200 orang daripada Amerika pergi ke Russia. Ini harus menjadi contoh dan tauladan kepada pemimpin-pemimpin kita dalam menerajukan hubungan dua hala luar negara kita yang boleh dimainkan, apa lagi dalam semangat ASEAN kita adalah bebas dan berkecuali. Itu sebab kita harus bebas, berkecuali demi kekuatan dan keutuhan ekonomi Malaysia harus dia menjaral kesemua negeri supaya getah kita laku pada semua negeri dalam dunia, tidak kira blok, kelapa sawit kita dapat kita hantar ke seluruh negeri, bukan negeri Arab, negeri Islam sahaja bahkan sampai ke negeri Komunis Russia, China atau mana-mana sahaja yang mahu membeli kita demi keutuhan dan kebaikan rakyat dan negara kita masa yang akan datang.

Dato' Sulaiman bin Ninam Shah: Masa cukup.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Saya minta seminit dua lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, jadi sebab itu perhubungan dua hala kita di luar negeri harus kita mainkan kalau perlu kita ubah-suai sebagaimana kata pepatah yang masyhur dalam dunia ini. Ada pepatah saya tidak tahu sama ada doktrin Nehrukah atau doktrin ala Kremlinkah, saya tidak tahu, tetapi dia kata begini: Sebaik-baik manusia dalam dunia ini, kawan jadi kawan; yang lagi baik manusia dalam dunia ini, kawan terus jadi kawan; yang paling baik sekali manusia dalam dunia ini, musuh jadi kawan. Jadi, maknanya pandang menyeluruh, kita duduk di angkasa atau di bukit yang boleh memandang alam sekitar luar gunung, duri dan hutan, haruslah kita menyedari hakikat hidup yang besar di dalam dunia ini supaya kita memahami dengan luasnya demi keutuhan masa depan bangsa Malaysia 100 tahun yang akan datang atau 1,000 tahun yang akan datang. Kita tidak mahu banyak orang, musuh banyak, kita mahu banyak dapat kita salurkan hasil bumi kekayaan kita. Kita ada getah, kita ada bijih, kita ada hutang, kita ada kayu-kayan, kita ada minyak dan bermacam-macam lagi sebagai sebuah negara yang boleh dikatakan paling terkemuka di dalam dunia yang banyak mengeluarkan khazanah macam ini. Patutnya kita menjadi negara yang paling terkemuka di dunia dalam tempoh tidak sampai 100 tahun akan datang. Kalau dapat dimainkan saluran tertentu kita ini keseluruhan dunia, terutama dalam hasil bumi kita keluar jangjan terhad, jangan terbatas.

Tuan Yang di-Pertua telah memberi amaran kepada saya. Tuan Yang di-Pertua ini pun memang tegas, kalau beliau kata berhenti tidak berhenti, diketuk meja pula.

Jadi, sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya tutup, saya minta professor-professor universiti kita hendaklah dilantik untuk menguatkan Kabinet kita. Kita nasib baik dalam Malaysia ada mempunyai orang handal, tokoh-tokoh dan pakar-pakar. Sebagai contoh seorang pakar ekonomi iaitu Ungku Abdul Aziz yang kita gelar Professor Di Raja sangat berguna. Beliau telah menciptakan satu idea kepada Kerajaan kita iaitu Tabung Haji yang terkenal di seluruh dunia kejayaannya dalam membantu umat Islam sehingga banyak negara-negara Islam lain mengambil contoh daripada kita. Orang

yang macam ini kita mahu masukkan dalam Kabinet kita, sekurang-kurangnya menjadi penasihat dalam rancangan ekonomi. Professor kita dalam bahagian pertanian dari Universiti Pertanian Malaysia Serdang bawa dalam Kabinet Yang Berhormat Menteri Pertanian, Dato' Abdul Manan Osman supaya banyak nasihat dan ilmu yang berguna. Begitu juga pakar-pakar dalam bahagian kedokteran, dalam bahagian persuratan dan bahasa. Ada dulu orang menyatakan Bahasa Malaysia ini tidak layak. Panggil Professor Bahasa. Beri ajar dia sedikit sama ada dia faham atau tidak faham. Dia kata tidak layak Bahasa Malaysia ini dalam semua bahagian atau tidak mencukupi semua bidang. Dia kata tidak layak lagi, panggil pakar itu jadi penasihat. Menteri Undang-undanglah yang tidak hendak hari itu, jadi panggil pakar-pakar itu.

Saya mengesyorkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri khususnya supaya mengambil orang-orang ini. Kalau mereka sudah bersara kerana berumur 55 atau 60 tahun, kita ambil mereka untuk dijadikan penasihat dalam pakar masing-masing di samping kita mengambil pakar daripada luar negeri.

Dato' Sulaiman bin Ninam Shah: Cukuplah, saya ingat.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua ini tidak beri peluang.

Dato' Sulaiman bin Ninam Shah: Fasal hendak beri peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Yalah, penat sahaja saya menyusun. Maaf, terima kasih.

Dato' Sulaiman bin Ninam Shah: Saya jemput Tuan Tan Chang Soong.

5.21 ptg.

Tuan Tan Chang Soong: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong penuh atas Ucapan Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah dibentangkan pada 10hb Oktober, 1982.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita baharu sahaja menyambut Ulang Tahun Kemerdekaan Yang Kedua Puluh Lima. Di dalam tempoh jangka masa 25 tahun tidak boleh dianggap panjang. Tetapi ini di dalam tempoh jangka masa kehidupan manusia, ia adalah masa satu generasi. 25 tahun yang lepas telah memperlihatkan negara kita sibuk dalam pembangunan ke arah memperbaiki darjat kehidupan semua rakyat kita. Suku abad juga adalah masa untuk kita memeriksa haluan pembangunan negara kita. Ia juga adalah masa untuk kita mengkaji semula sama ada kita bergerak mendekati perpaduan nasional atau masih ada masalah-masalah yang memerlukan perhatian segera.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan pembangunan negara akan tercapai jika kita memahami wujudnya kebimbangan dan ketakutan di dalam masyarakat kita yang berlainan. Saya percaya di sini tidak ada perasaan perkauman, sebab kebimbangan atau ketakutan telah muncul dengan tiadanya persefahaman dan perhubungan di antara dua pihak. Kita mesti berusaha untuk mengisi jurang pemisah dan merobohkan dinding prasangka dan ketakutan. Kita mesti menerima bahawa ia ini adalah hakikat yang mencerminkan sifat berbilang kaum di dalam masyarakat Malaysia. Kita tidak boleh dikaburi oleh kenyataan bahawa di dalam masyarakat berbilang kaum, tiap-tiap masyarakat mempunyai warisan kebudayaannya yang tersendiri, sistem nilai dan pandangannya yang tersendiri. Pemupukan satu identiti Malaysia tidak boleh dicapai dalam satu malam. Kita harus tahu sesuatu unsur yang asli kepada sesuatu masyarakat komponen mungkin menjadi unsur yang penting dalam pembentukan identiti Kebangsaan. Sesebuah masyarakat di Malaysia tidak kurang kelihatan Malaysia kerana ianya berlainan daripada masyarakat lain di Malaysia. Masyarakat Cina Malaysia adalah sebahagian daripada Malaysia. Mereka adalah kaum Cina kerana mereka dilahirkan Cina. Oleh kerana itu, mereka mengamalkan kebudayaan Cina dan mempunyai sistem nilai mereka tersendiri. Oleh itu, adalah tidak menasabah kita meminta masyarakat Cina meninggalkan

warisan kebudayaan mereka. Ternyata mereka adalah rakyat Malaysia seperti masyarakat-masyarakat lain di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan kebudayaan hendaklah dikaji di dalam perspektif yang wajar. Oleh kerana berbagai masyarakat mempunyai warisan kebudayaan yang tersendiri, maka kebudayaan yang berlainan itu mestilah dihormati. Hormat-menghormati dalam kebudayaan adalah penting. Adalah tidak patut terdapat perbezaan apabila masyarakat Cina Malaysia mengamalkan kebudayaannya tersendiri, contohnya ialah persembahan tarian singa. Tarian singa adalah sebahagian daripada cara hidup masyarakat Cina Malaysia. Ia adalah bagi masyarakat Cina Malaysia ibarat alat kompang bagi masyarakat Melayu atau mathalam bagi masyarakat India Malaysia. Tarian singa melambangkan alamat baik untuk peristiwa yang bertuah. Oleh sebab masyarakat Cina Malaysia adalah sebahagian dari Malaysia dan oleh sebab kita sedang memperkembangkan kebudayaan kebangsaan Malaysia, maka adalah wajar unsur bertuah yang simbolik pada kebudayaan Cina Malaysia diterima sebagai sebahagian daripada kebudayaan kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat juga unsur-unsur lain di dalam kebudayaan Cina Malaysia yang sesuai untuk menghayati kebudayaan kebangsaan yang sedang kita kembangkan. Dalam analisa akhir, perbezaan dasar tidak wujud antara simbolisma-simbolisma ketiga-tiga kebudayaan kita. Mereka hanya berasal usul dari semangat suci manusia. Mereka hanya merupakan pernyataan-pernyataan keriaan mudah sebagai sebahagian penting daripada tiga aliran kebudayaan yang pada akhirnya, akan mengalir ke sungai negara kita. Saya cukup yakin masih ada lagi unsur-unsur yang sesuai dan wajar dalam kebudayaan masyarakat Malaysia yang lain, yang boleh menjadikan kebudayaan kebangsaan Malaysia sebagai yang terbaik dari yang terbaik dalam tamadun Asia.

Tuan Yang di-Pertua, biasanya adalah mudah untuk mengeksploitasikan pertentangan masyarakat yang berbilang

kaum untuk mencapai sesuatu helah politik. Adalah tidak bertanggungjawab kalau pemimpin politik dan ahli politik mempermainkan perasaan perkauman demi untuk memperoleh kepopularan politik dengan menimbulkan hal-hal yang menarik hati satu-satu masyarakat. Ini tidak akan memenuhi matlamat perpaduan kebangsaan yang lebih penting dari segala-galanya. Oleh itu, setiap pelampau politik mestilah didedahkan. Fahaman ekstrim yang menyentuh perasaan perkauman selalu akan menarik hati satu-satu masyarakat. Akan tetapi apakah kebbaikannya?

Permainan politik dan sensitiviti mestilah dibendung. Harus ada sekatan dan kawalan diri demi untuk menjamin stabiliti dan harmoni. Ini adalah kekuatan tonggak yang mustahak untuk menanggung proses pembangunan yang berlanjutan.

Tuan Yang di-Pertua, kita mestilah mempunyai keinsafan dan kesusilaan di dalam apa yang kita kata dan lakukan, terutama sekali bagi mereka yang memegang jawatan yang bertanggungjawab. Ini membawa kita kepada soalan prinsip kesusilaan atau moral. Saya percaya, ada keperluan untuk memasukkan prinsip kesusilaan di dalam politik. Dengan cara ini, akan mencegah pemimpin politik dan ahli politik dari bercakap dan berbuat sesuatu yang keterlaluan. Kunci kata kita ialah keinsafan. Dengan adanya keinsafan atau keluluran hati, kita dapat mengurangkan pertikaian dan perselisihan faham. Sekiranya kita semua berkelakuan dengan bermoral, pertikaian yang tidak berasas akan dapat dijauhkan. Adalah satu hal yang menyedihkan kerana kita terlibat dalam perkara-perkara yang sebegini, walhal masa itu boleh digunakan untuk daya pengeluaran yang lebih baik. Saya percaya jika kita berkelakuan dengan berinsaf dan bermoral, kita boleh menjadikan Malaysia satu tempat tinggal yang lebih baik. Justeru itu biarlah kita mengembalikan kesusilaan ke dalam politik. Biarlah ini menjadi satu prinsip panduan bagi mereka yang ketagih mencari kepopularaan peribadi dan modal politik sementara menjejaskan objektif keseluruhan negara dari segi perpaduan nasional.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam negara yang berbilang kaum seperti Malaysia, kita tidak boleh terus mempermainkan perbezaan di antara masyarakat yang majmuk itu. Adalah perlu untuk kita menegaskan persamaan yang mengikat semua rakyat kita tanpa mengira kaum. Membangunkan negara dalam satu masyarakat yang berbilang kaum, berbilang kebudayaan dan berbilang agama berkehendakan fahaman yang pragmatis dan pendekatan yang realistik. Saya percaya haluan pembangunan negara dalam situasi yang begitu rumit telah memperlihatkan masalah besar. Tetapi saya juga percaya jika semua orang berkelakuan dengan berinsaf dan bersusila, maka kita telah mengatasi sebahagian dari masalah kita itu. Oleh itu, biarlah kita berusaha untuk memenuhi aspirasi nasional untuk membina sebuah Malaysia yang liberal dan demokratik, adil dan saksama, aman dan makmur di mana semua masyarakat akan memenuhi harapan dan aspirasi mereka dan keseimbangan dari segi hak dan kepentingan mereka juga dapat dijamin.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Baginda Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menyatakan bahawa kesederhanaan adalah kekuatan negara. Toleransi dan kerjasama adalah tunggak kepada kekuatan dan ketahanan kita. Prinsip kesederhanaan mesti dipertahankan dalam segala hal yang kita cuba buat dalam sebuah masyarakat berbilang bangsa seperti Malaysia. Saya percaya kesederhanaan akan menimbulkan kesederhanaan dari satu komuniti ke satu komuniti yang lain. Di sini saya ingin menegaskan bahawa kita patutlah mengembangkan satu Doktrin Resiprositi. Doktrin ini akan membolehkan kita memahami keadaan semula jadi dan keperibadian masyarakat yang berbilang kaum. Komunikasi yang bertimbal balik akan meruntuhkan dinding kejahilan dan prasangka. Doktrin Resiprositi ialah satu konsep kesederhanaan dan ianya bukan satu fikiran yang ajaib. Ianya adalah satu cara pragmatik yang memberi panduan dalam kehidupan kita sehari-harian. Kita tidak boleh membina sebuah masyarakat yang sempurna, tetapi kita boleh mewujudkan

manusia yang lebih baik dalam proses tersebut. Kejayaan kebendaan cuma merupakan satu aspek pembangunan sahaja. Kita juga perlu mengembangkan rohaniah dan akal supaya kita dapat membentuk masyarakat Malaysia yang berjiwa. Doktrin Resiprositi akan membolehkan interaksi di antara berbagai komuniti. Melalui interaksi dan pertukaran pendapat, kita akan dapat memahami harapan dan aspirasi di antara satu sama lain. Kepelbagaian dalam masyarakat berbagai kaum tidak semestinya merupakan punca kelemahan sebaliknya ianya adalah satu asas kekuatan. Ini benar oleh kerana yang terbaik dalam setiap komuniti akan menyumbangkan kepada pembentukan sebuah negara yang kuat dan tahan lasak.

Tuan Yang di-Pertua, sebaliknya kalau tiada resiprositi akan terdapat kecenderongan untuk memandang sesuatu dengan pandangan yang sempit berkat dari sentimen perkauman. Haluan ini tidak akan menyumbangkan kepada pembangunan negara yang teguh. Oleh yang demikian, adalah perlu kita memahami konsep resiprositi dan menggunakannya supaya Malaysia menjadi sebuah negara yang agong dengan wataknya yang unik. Kita perlu berusaha untuk membangunkan Malaysia sebagai suatu dunia kecil yang aman dan makmur dalam pergolakan dunia pada masa sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, adalah benar jika dikatakan krisis itu adalah suatu ujian. Jika kita hendak lulus ujian ini kita memerlukan kerjasama antara rakyat dengan Kerajaan. Semasa menghadapi sebarang krisis, sebuah negara tidak boleh berpecahan. Kita mesti adakan suatu suasana yang aman dan stabil. Keadaan ini adalah amat penting dan boleh dicapai dengan menanamkan keharmonian dan persefahaman di antara komuniti.

Dato' Sulaiman bin Ninam Shah: Masa cukup.

Tuan Tan Chang Soong: Sedikit lagi. Dengan adanya kestabilan dan keamanan, negara ini boleh menghadapi sebarang masalah yang timbul.

Pada akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya percaya supaya sesebuah negara itu berjaya dan maju mestilah ada persefahaman mengenai matlamat yang akan dicapai. Tugas kita bukan semata-mata mendemokrasikan sistem kita, tetapi juga membentuk sebuah masyarakat yang mewah, adil dan saksama. Oleh itu kita perlu memupuk semangat yang berdasarkan prinsip-prinsip keinsafan dan kesucilaan dan melalui Doktrin Resiprositi. Hanya dengan cara ini dapat kita mewujudkan sebuah negara Malaysia yang akan dihormati oleh komuniti antarabangsa.

Dato' Sulaiman bin Ninam Shah: Yang Berhormat Tuan Fadzil bin Mahmood.

5.36 ptg.

Tuan Fadzil bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Senator Abdul Razak yang dibawa semalam untuk mengucapkan terima kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam pembukaan Penggal Pertama, Parlimen Keenam pada 11hb Oktober, 1982 yang lalu.

Saya sungguh tertarik hati dengan Titah Ucapan Baginda kerana Baginda menyentuh semua aspek pentadbiran negara kita. Walaupun Titah Ucapan Baginda pendek tetapi bernas dan padat. Di antaranya Baginda telah menekankan mengenai dengan usaha Kerajaan untuk menjadikan negara Malaysia ini sebuah negara yang benar-benar dihormati dan disegani oleh masyarakat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya sokong di atas ucapan sahabat saya tadi, Yang Berhormat Dato' Haji Mahmoud Salim. Bagi saya sebuah negara yang akan dihormati oleh masyarakat antarabangsa adalah sebuah negara yang mempunyai perpaduan yang baik di antara penduduk di sebuah negara itu.

Kita bersyukur kerana Malaysia mempunyai rakyat yang mengamalkan sikap perpaduan yang baik tetapi sungguh sayang sekali akhir-akhir ini perpaduan kita yang kita pupuk selama ini telah mulai terjejas. Ada golongan sanggup memfitnah dan melemparkan tuduhan yang tidak berasas

demi untuk kepentingan politik mereka. Mereka sanggup mencemarkan maruah bangsa mereka sendiri dan sanggup pula mempersendakan ugama suci mereka kerana semata-mata untuk kepentingan kumpulan mereka yang mereka anggap sebagai jaguh Islam yang serba boleh. Tetapi mereka tidak sedar yang perbuatan mereka itu adalah perbuatan yang menghina bangsa mereka sendiri. Mereka sanggup mengkafir di antara sesama Islam. Saya rasa jika tindak-tanduk seperti saya sebut tadi berterusan, saya bimbang perpaduan rakyat Malaysia akan bertambah buruk dan negara kita Malaysia akan tidak dihormati lagi oleh masyarakat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjamin perpecahan rakyat di negara kita ini tidak akan bertambah runcing, saya syorkan kepada pihak yang berkuasa supaya mengambil tindakan segera dengan setegas-tegasnya terhadap kumpulan ini supaya perpaduan rakyat akan terjamin dan maruah negara Malaysia akan dipandang tinggi oleh negara-negara luar.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menekankan berkenaan dengan Kerajaan kita telah berusaha untuk meninggikan syiar Islam. Saya sungguh berasa bangga di atas sikap Kerajaan kita dan saya berharap perkara ini akan diteruskan oleh pihak Kerajaan supaya hasrat Kerajaan akan tercapai. Bukti-buktinya telah nyata dengan penubuhan Universiti Islam dan Bank Islam, menyerapkan unsur-unsur Islam dalam jiwa masyarakat Malaysia dan berbagai-bagai rancangan lagi untuk menyerapkan syiar Islam dalam jiwa masyarakat Malaysia kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum apa yang disebutkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda yang mengatakan Kerajaan Beta telah memilih perkara pimpinan melalui tauladan. Jadi oleh kerana perkara ini telah dan sedang berjalan dengan menyerapkan unsur-unsur Islam kepada jiwa masyarakat Islam khususnya dan masyarakat Malaysia amnya, maka saya berharap dengan

semangat tauladan ini Kerajaan melalui cara pimpinan melalui tauladan, saya menyerulah kepada pemimpin-pemimpin kita, terutama sekali para pemimpin wanita, misalnya, pemimpin wanita kita, terdapat kadangkala pemimpin wanita kita bercakap mengenai ugama, kononnya bagaimana unsur-unsur Islam hendaklah diserapkan dalam kalangan wanita dan sebagainya, tetapi tauladan wanita yang sedang bercakap itu tidaklah menunjukkan unsur-unsur keislaman, dengan tidak ada sifat-sifat aurah. Jadi saya teringat baru-baru ini dalam TV, seorang pemimpin wanita dengan begitu bersemangat bercakap mengenai Islam, tetapi kita lihat dalam gambar itu, kita berasa benar-benar hairan dengan rambutnya yang kusut-masai, dengan pipinya yang merah, dengan bibirnya menyala-nyala tetapi bercakap berkenaan Islam. Ini boleh dikatakan satu perkara yang tak logik, dan suatu perkara yang pelik. Jadi saya berseru kepada pemimpin kita, saya tak mahu kata menteri-menteri wanita, tetapi saya katakan pemimpin wanita, apabila bercakap dalam Televisyen itu tunjuklah sedikit sifat aurat taruhlah sedikit kain di atas kepala. Jadi tidak begitu ganjil sangat kalau kita bercakap tentang ugama, tetapi apa yang kita cakap itu kita sendiri tak buat. Inilah yang kita takut, mungkin digunakan oleh pihak-pihak yang tertentu untuk menikam balik Kerajaan kita.

Satu lagi titah Baginda menekankan bagi membentuk masyarakat moden. Jadi di sini Titah Baginda untuk mencapai hasrat membentuk masyarakat moden, sistem pendidikan kita mestilah melahirkan tenaga mahir dan cerdik-pandai yang berkemampuan mencari penyelesaian dan meneroka bidang-bidang kemajuan yang baru. Jadi di sini Baginda menekankan bahawa untuk melahirkan masyarakat yang moden dan yang bersemangat mestilah melalui pendidikan. Jadi di sini sukalah saya menekankan dalam soal pendidikan ini hendaklah daripada sekolah rendah kita pupuk semangat berdisiplin, semangat berdedikasi dan sebagainya untuk masa hadapan pelajar-pelajar itu, tetapi kadangkala kita tak boleh persalahkan pada Kementerian Pelajaran jika pelajar-pelajar itu tidak mencapai kehendak dasar pelajaran

kita. Seperti mana saya sebutkan baru-baru ini ada setengah Kementerian patut disalahkan yang menyebabkan pelajar-pelajar atau pendidikan kita ini tidak tercapai maksud Kerajaan dari segi pelajaran kebangsaan.

Misalnya, saya ada bangkitkan baru-baru ini dalam pertanyaan saya berkenaan penjualan minuman keras dalam plastik kecil. Ini adalah dalam awasan Kementerian Perdagangan, tetapi pada ketika itu Menteri Perdagangan telahpun mempertahankan dengan mengatakan plastik kecil arak ini tidak begitu menjadi bahaya atau mudarat kepada murid-murid. Pihak Menteri Perdagangan dan Perindustrian mengatakan Kastam boleh mengawasi dan sebagainya. Saya pun cuba untuk membeli benda ini tetapi saya dapati tidak ada pengawasan, siapa sahaja boleh beli. Di sini jangan dianggap saya cuba hendak mengharamkan minuman keras ini, saya pentingkan di sini adalah masalah minuman keras dalam plastik itu dengan murid-murid sahaja. Saya tidak maksudkan dengan pengharaman dan sebagainya tetapi barang ini murah dan boleh dibeli dengan mudah dan saya rasa benda ini akan berpanjangan dan akan memberi mudarat kepada pelajar-pelajar kita pada masa akan datang.

Saya minta izin, untuk saya menunjukkan benda ini kepada Dewan yang mulia. Saya minta maaf kerana saya bawa minuman keras dalam Dewan yang mulia ini. Barang ini, saya dapat beli dengan harga yang murah—\$0.50 sen. Ini ialah Brandy V.S.O.P. Hennessy dengan harga \$0.50 sen, di mana sahaja boleh dapat, dan satu lagi gin harganya \$0.50 sen sahaja. Inilah yang saya berasa hairan mengapa Menteri Perdagangan mempertahankan supaya benda ini tidak menjadi halangan kepada murid-murid. Siapa yang hendak cuba, bolehlah (*Ketawa*) saya berikan. Masalah ini bukanlah masalah pengharaman minuman keras, kalau kita haramkan, dia boleh beli melalui black market dan sebagainya tetapi masalah ini ialah masalah arak dengan murid-murid.

Saya hendak bertanya Menteri Perdagangan iaitu adakah VIP hendak beli benda murah ini? Tentu tak beli, mereka beli yang botol besar, yang \$80 sebotol. Yang 50 sen ini mereka tidak beli, standard jatuh. Ini harga untuk budak-budak. Bila-bila masa boleh dibeli. Di Perlis dengan harga \$0.50 sen—ini beli sedikit, kalau beli secara borong mungkin murah lagi. Inilah perkara yang saya suka memperingatkan kepada pihak yang berkenaan sebelum terlambat. Perkara ini bagi saya kalau berleluasa, saya tidak akan tanggung dosanya. Menteri yang berkenaan mesti menanggung dosanya, sebab pada masa dahulu masalah ganja boleh dibeli di mana-mana sahaja—bebas. Mula-mula hisap sedikit-sedikit tetapi sekarang sudah menjadi masalah nasional. Saya takut benda ini juga akan menjadi masalah nasional pada masa 5-6 tahun lagi. Ini untuk ingatan Menteri yang berkenaan.

Satu lagi Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong menegaskan bahawa Dewan ini adalah tempat merumuskan keputusan. Saya bersetuju, mana-mana Dewan sama ada Dewan Negeri, Dewan Rakyat atau Dewan Negara dan sebagainya, tetapi yang saya hairan pada akhir-akhir ini ada setengah Ahli-ahli Yang Berhormat itu menggunakan Dewan untuk menunjukkan keras kepala dalam Dewan hingga terpaksa digunakan polis untuk mengawal keadaan. Saya tak mahu sebutkan Dewan mana, tetapi Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan ini sendiri telah membaca dalam akhbar-akhbar. Jadi setengah-setengah Ahli Yang Berhormat yang keras kepala hendak mencabar undang-undang negara kita, terpaksa polis mengambil bahagian. Jadi saya hairanlah perkara ini berlaku dan saya minta pihak yang berkenaan janganlah biarkan berlanjutan kerana ini menjatuhkan maruah negara kita dan juga negeri-negeri yang berkenaan. Oleh sebab itulah ditekankan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong supaya kita berkehendakkan pada satu masa maruah negara kita akan dipandang tinggi sama ada oleh semua lapisan masyarakat dalam negeri dan juga di luar negeri. Kalau Wakil Rakyat yang dipilih dan diberi amanah oleh rakyat masuk dalam Dewan untuk

mencapai hasrat rakyat tetapi sebaliknya mereka menunjukkan keras kepala cuba untuk mencabar kedaulatan undang-undang, maka ia adalah satu perkara yang terbalik pada pandangan saya.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Bersih, Cekap dan Amanah, saya tidak mahu katakan Bersih, Cekap dan Amanah yang ditonjol oleh pemimpin 2M kita tidak berjaya sama sekali. Ini tidak boleh kita nafikan ada kejayaannya, tetapi walau bagaimanapun kita tidak boleh mencapai kejayaan dalam masa yang singkat, tentulah ada sedikit sebanyak yang berkurangan. Bagi kita, kita cuma mengharapkan pihak Kerajaan supaya membaiki perkara-perkara yang longgar supaya hasrat Kerajaan untuk mencapai Bersih, Cekap dan Amanah itu akan dicapai.

Dalam segi pentadbiran saya sungguh tertarik hari dengan JPA, Bahagian Pencen. JPA, Bahagian Pencen ini kalau ada sesuatu kerja kita tidak payah masuk dalam bilik Pegawai yang berkenaan—mereka menyediakan tempat atau ruang untuk kita berjumpa dengan pegawai, pegawai yang berkenaan, kita tidak payah masuk dalam bilik pegawai itu. Ini satu perkara yang patut kita contohi.

Satu lagi kita perhati di pintu-pintu pejabat bertulis "Jangan Masuk Tanpa Urusan". Kadang-kadang kalau orang kampung berasa gerun dan takut, seolah-olah mereka bersua dengan harimau. Kita gunakanlah ayat-ayatnya yang agak boleh menyejukkan perasaan orang kampung yang datang berpuluh-puluh batu dari kampung-kampung. Saya cadangkan di pejabat itu tulislah "Sila Masuk Kalau Ada Urusan", lembut sedikit.

Dato' Sulaiman bin Ninam Shah: Masa sudah cukup.

Tuan Fadzil bin Mahmood: Ya. Saya minta satu lagi Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa perkara berkenaan menjaga kebajikan masyarakat luar bandar patut diberi perhatian.

Baru-baru ini kita tahu di Negeri Perlis dan Kedah mengenai dengan masalah penyakit padi telah memberi kerugian yang besar

sepertimana dilaporkan oleh Timbalan Menteri Pertanian iaitu sebanyak 50,000 juta. Pada hari ini tidak ada satu keputusan yang dibuatkan oleh pihak Kerajaan sama ada hendak memberi bantuan dan tidak pula ada satu pun rumusan yang dibuat oleh pihak Kerajaan untuk memberi bantuan kepada pihak petani-petani.

Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua, kemerosotan padi di Negeri Perlis dan Kedah ini sungguh ketara sekali. Contohnya pada masa biasa satu relong, maaf saya gunakan relong dalam Dewan ini, satu relong boleh dapat antara 20 hingga 25 guni padi, tetapi oleh kerana penyakit padi ini sehabis tinggi boleh dapat satu relong ialah 3 guni, bermakna 20 guni telah hilang oleh petani-petani. Saya hairan mengapa Menteri Pertanian tidak membuat satu laporan, sama ada hendak memberi bantuan dan sebagainya. Di samping itu oleh kerana kemerosotan petani-petani, pihak pajak gadai pula telah memainkan peranannya, mereka menaikkan kadar bunga daripada 1½% kepada 2%, tidak ada lagi 1½% dan sebagainya, sebab mereka tahu petani ini akan menggunakan "bank ini", kerana di pajak gadai ini boleh dapat wang dengan segera. Inilah masalah yang terdapat di Perlis dan Kedah dan saya sekali lagi minta maaf kerana Tuan Yang di-Pertua, kerana saya bawa masuk minuman keras dalam Dewan ini.

Dato' Sulaiman bin Ninam Shah: Jangan diminum!

Tuan Fadzil bin Mahmood: . . . dan saya ucapkan terima kasih.

Dato' Sulaiman bin Ninam Shah: Jangan minum!

Tuan Fadzil bin Mahmood: Ya, tidak. Saya tidak biasa nampak, hari ini barulah saya nampak dan saya sekali lagi menyokong Usul yang dibawa oleh Yang Berhormat saudara Abdul Razak bin Abu Samah.

Dato' Sulaiman bin Ninam Shah: Yang Berhormat M. K. Muthusamy.

5.55 ptg.

Tuan M. K. Muthusamy: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di Dewan yang mulia ini untuk menyokong Usul terima kasih atas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa merasmikan Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama, Parlimen Keenam pada 11hb Oktober yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih saya kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan pucuk pimpinan parti kerana melantik saya sebagai Ahli Dewan Negara. Saya terharu atas perlantikan ini dan berjanji akan menunaikan tugas saya bagi faedah rakyat di tanahair kita.

Seperti yang kita semua sedia maklum sudah 25 tahun negara mencapai kemerdekaan, parti Barisan Nasional yang dahulunya Parti PERIKATAN telah membawa kemajuan dan pembangunan pesat di serata bahagian negara ini dan dalam segala bidang mahupun pelajaran, sosial ekonomi atau sosio-ekonomi. Pembangunan dan kemajuan ini hasil rancangan raksasa menunjukkan bahawa Kerajaan tidak menghampakan mandat yang diberikan oleh rakyat dan projek-projek yang dilaksanakan ini adalah bagi faedah kepada rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pilihanraya yang baru diadakan ini kenyataan ini jelas terbukti bila Kerajaan 2M di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr Mahathir yang mengamalkan dasar Bersih, Cekap dan Amanah mencapai kejayaan yang amat membanggakan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menunaikan janji-janji di dalam manifesto pilihanraya yang lalu Kerajaan telah mengambil beberapa tindakan yang menjadi buah mulut rakyat di mana sahaja, tindakan ke atas kakitangan Kerajaan yang datang kerja lambat, mengaktifkan Badan Pencegah Rasuah, pengemasan semula struktur Jabatan-jabatan Kerajaan dengan tujuan mendekatkan serta merapatkan dengan rakyat adalah di antara langkah jimat-cermat akibat dari kemelesetan ekonomi dunia adalah salah satu daripadanya.

Tuan Yang di-Pertua, seluruh dunia pada ketika ini mengalami kemelesetan ekonomi, di Malaysia juga tidak ketinggalan. Kesan tekanan ekonomi, amat jelas sehingga ke peringkat bawah iaitu grass root level. Harga barang-barang mentah jatuh di pasaran dunia dan pendapatan tukaran luar juga telah jatuh, rakyat luar bandar terutama penduduk di kampung-kampung dan ladang-ladang yang paling terjejas akibatnya Kerajaan dan sektor swasta merasai tekanan dari kemelesetan ini. Sebagai langkah yang berpatutan Kerajaan telah mengurangkan perbelanjaan yang tidak mendatangkan faedah, menangguhkan projek-projek buat seketika. Langkah-langkah ini patut disambut malah digalakkan bila situasi memerlukan tindakan sedemikian.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga telah menggesa supaya rakyat memahami keadaan ini dan berusaha menyesuaikan diri untuk mengatasi masalah kemelesetan ini, akan tetapi semua pihak serta Jabatan Kerajaan dikenakan potongan dalam perbelanjaan, perbelanjaan harus dilupakan, tetapi ini tidaklah bermaksud semua Jabatan atau Kementerian mesti dikenakan potongan dalam perbelanjaan. Ada Kementerian atau Jabatan yang amat memerlukan pengaliran kewangan untuk menjalankan tugas-tugas bagi faedah kepada rakyat. Umpamanya Kementerian Kesihatan, seperti menjadi pengetahuan umum memang sudah ada aduan bahawa ubat-ubat yang dikeluarkan kepada pesakit di hospital rendah mutunya. Dalam pada itu juga baru-baru ini kadar bayaran bagi perkhidmatan perubatan di hospital telah melambung. Kenaikan ini mungkin wajar untuk mendapatkan lebih pendapatan bertujuan bagi mengurangkan kos Kementeriannya, tetapi soalnya ialah apakah mutu perkhidmatan akan bertambah dengan kenaikan ini, dan sekiranya ya, dalam bentuk atau cara manakah rakyat dapat menikmatinya.

Satu contoh yang klasik berkaitan dengan pemotongan belanja ialah berkenaan dengan kes pesakit otak di Hospital Muar. Setiap minggu di Hospital Daerah Muar terdapat 40 hingga 90 orang pesakit otak untuk menerima rawatan daripada doktor pakar. Pakar Sakit Otaknya melawat ke situ seminggu sekali dari Hospital Permai, Tampoi. Apabila langkah

berjimat cermat untuk mengurangkan kos Jabatan-jabatan Kerajaan diperkenalkan, doktor pakar tersebut tidak lagi melawat ke Hospital Muar malah mengarahkan pesakit-pesakit otak tersebut supaya datang ke Tampoi. Tindakan ini adalah kejam dan tidak berperi kemanusiaan. Adalah mustahil bagi seorang pesakit otak untuk pergi ke mana-mana bersendirian dan apatah lagi bila sesuatu tempat yang jaraknya daripada Muar ialah lebih kurang 100 batu atau 160 km dari Muar. Katakan bagi belanja bagi seorang berulang alik ke Tampoi daripada Muar beserta belanja makan dan lain-lain lagi adalah tidak kurang daripada \$30 dan kerana seorang pesakit otak tidak dapat pergi bersendirian ke mana-mana juga dengan aman dan tenteram, beliau perlukan bantuan seorang yang lain, sama ada rakan atau saudara-maranya. Oleh itu bagi setiap pesakit mengikut kiraan ini perbelanjaannya tidak kurang daripada \$60. Paling minima terdapat 40 orang pesakit dan paling maksima 90 orang, sekurang-kurangnya \$2,400; setinggi-tingginya \$5,400 dibelanjakan oleh pesakit-pesakit ini tiap-tiap seminggu mereka pergi berjumpa doktor pakar tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, yang menyedihkan ialah perbelanjaan ini berlaku ketika negara secara amnya menghadapi kemelesetan ekonomi. Sekiranya doktor pakar tersebut melawat Hospital Daerah Muar belanjanya tidak melebihi \$400 sehingga ke \$500. Yang ingin saya tekankan di sini ialah Kementerian atau Jabatan-jabatan Kerajaan tidak seharusnya menyusahkan rakyat dalam konteks ini perbelanjaan pesakit-pesakit ini boleh dielak dengan mengekalkan lawatan doktor tersebut ke Muar.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Dewan yang mulia ini saya hendak sebut sedikit atas perkara mengenai pertukaran bayi yang telah berlaku baru-baru ini di Hospital Seremban dan juga Hospital Kelang. Walaupun perkara yang berlaku di dalam Hospital Kelang dapat diselesaikan tetapi ada satu perkara yang telah berlaku di dalam Hospital Seremban adalah dalam mahkamah, saya nampak hairan macam manakah pertukaran bayi ini boleh berlaku kepada satu kaum sahaja. Saya ingin pihak Kerajaan, iaitu Kementerian Kesihatan patutlah mahu ambil satu langkah yang baik

mengatasi perkara yang saya sebut ini. Malah kita bercakap atas pertukaran bayi pada hari ini, ada juga baru-baru ini bayi yang telah meninggal dunia pun boleh bertukar di Hospital Besar, Kuala Lumpur baru-baru ini. Oleh sebab itu saya harap Pegawai-pegawai Perubatan atau Kementerian Kesihatan akan boleh ambil satu langkah yang baik mengatasi perkara ini dan tidaklah berbangkit atau menjadi lagi merosakkan nama baik Kementerian Kesihatan di dalam negara kita.

Dato' Sulaiman bin Ninam Shah: Masa cukup.

Tuan M. K. Muthusamy: Terima Kasih banyak, Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab itu tidaklah payah berucap lebih di dalam Dewan ini walaupun saya orang baru. Saya harap pada masa-masa yang akan datang saya boleh lanjutkan ucapan saya lebih panjang di dalam Dewan ini.

Dato' Sulaiman bin Ninam Shah: Yang Berhormat Tuan Abdul Wahab bin Abu Bakar.

6.07 ptg.

Tuan Abdul Wahab bin Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk turut berucap bagi menyembahkan terima kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas Titah Ucapan Baginda sempena Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama, Parlimen Keenam baru-baru yang lalu.

Bagi diri saya inilah peluang berucap yang sulung di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan rasa hormat takzimnya saya menyatakan menjunjung kasih yang setinggi-tingginya Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas Titah Ucapan yang kita berpendapat amat padat, itu walaupun ringkas tetapi amat berkesan sekali. Kesan yang sungguh mendalam dapat dirasakan bagi setiap pihak untuk difikirkan kerana seterusnya dijadikan kenyataan. Membaca dari apa yang tersurat sahaja memadai dan cukup membayangkan betapa besarnya

harapan, betapa kuatnya azam dan murninya cita-cita di atas dasar Kerajaan di bawah pimpinan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir, di dalam usaha meneruskan proses membina satu negara yang lebih gemilang.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedar tugas melaksanakan konsep ini amat berat. Sejak dari awal-awal kemerdekaan dahulu lagi konsep ini telah diutarakan, iaitu yang disebut 'umarak' dan 'ulama' tetapi yang selalu menjadi mangsa ialah pihak ulama begitulah keadaannya-tenggelam-timbul, tenggelam-timbul dibawa arus politik dan masa.

Apa yang disuarakan oleh para ulama selalunya ialah ideal serta menurut lunas-lunas kebenaran kalimah Allah dari Al-Quranul-qarim. Sekiranya pada masa-masa dan keadaan tertentu atau di dalam musyawarah-musyawarah yang dihadiri oleh kedua golongan ini terdapat pandangan-pandangan serta teguran-teguran dari para ulama yang berupa amalan makruf dan nahi-munkar, iaitu menyuruh ke jalan kebaikan dan mencegah jalan kejahatan dan keburukan, kebatilan sekalipun mungkin belum dapat dilaksanakan kerana beberapa halangan yang masih terdapat di dalam peruntukan-peruntukan perjalanan Undang-undang dan Perlembagaan negara pada ketika itu. Janganlah hendaknya berlaku cabar-mencabar antara kedua pihak sehingga boleh mendatangkan kebingungan dan memutuskan hubungan persefahaman, jauh lebih buruk keadaan itu jika dibiarkan pihak mass media mengadakan permit ala-barat secara leluasa dan berlarut-larutan. Seharusnya seperti disarankan di dalam Titah Di Raja itu diadakan musyawarah dan usrah di antara kedua golongan di dalam suasana tawakal dan yakin untuk sama-sama mencari jalan kebenaran yang diturunkan Allah bagi kesejahteraan manusia seluruhnya.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga dengan ini saya ingin menimbulkan semula sungutan-sungutan dan rayuan badan-badan ugama Islam, suara-suara Ulama Islam dan begitu juga bagi umat-umat Islam secara perseorangan, iaitu tentang menjadikan hari kelepasan mingguan diseragamkan pada hari Jumaat kerana masih ada beberapa buah

negeri lagi di negara ini yang mengamalkan cuti mingguannya hari Ahad. Setelah 25 tahun merdeka perkara ini masih belum juga dapat diseragamkan. Pada masa yang lalu ada golongan yang begitu mati-matian menentang menjadikan cuti hari Jumaat kononnya akan menjejaskan ekonomi negara dan hubungan international. Saya ingin menghujah adakah cuti mingguan hari Jumaat telah menjejaskan dan memburukkan ekonomi dan pentadbiran negeri-negeri Perlis, Kedah, Johor, Kelantan dan Terengganu atau negara-negara Islam lain di Timur Tengah; dan sebaliknya adakah dengan cuti hari Ahad itu telah sanggup membebaskan pukulan hebat kemelesetan ekonomi yang mengancam ekonomi negara-negara lain termasuk jaguh-jaguh kuasa besar sekarang ini?

Tuan Yang di-Pertua, melihat keadaan kesibukan-kesibukan, kelam-kabut urusan pentadbiran Kerajaan dan swasta, kesesakan lalu-lintas di bandar-bandar, kesibukan simpang-siur manusia, terburu-buru, tergesa-gesa, terpusu-pusu keluar sekolah. Misalnya kadang-kadang waktu itulah seorang drebar bas atau ibubapa menghantar anak ke sekolah sebelah petang, ketika itu pula keluarnya budak-budak sesi sebelah pagi. Lihatlah betapa kesesakan ini, secara tergesa-gesa dia terpaksa pula pulang ke rumah menyiapkan diri untuk ke masjid dan selepas itu tergesa-gesa pula untuk ke pejabat. Saya merasakan tekanan-tekanan kelam-kabut dari terpusu-pusunya seorang Islam ini di hari Jumaat terutama di bandar-bandar besar, apatah lagi di Kuala Lumpur dan juga di Ipoh, di merata-rata amat dirasakan.

Oleh itu dengan ringkasnya kesimpulan saya, Tuan Yang di-Pertua, patutlah dikaji seadil-adilnya perkara tersebut agar diseragamkan cuti mingguan seluruh negara ini dijadikan hari Jumaat kerana ini terdapat amalan-amalan di setengah negeri-negeri kita di Malaysia ini dan juga inilah pernah diamalkan oleh negeri-negeri yang dahulunya sebelum dijajah itu.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh lagi tajuk ulamak dan umarak, keseimbangan dan musyawarah dalam usrah ini, saya ingin menyoal pihak Kerajaan bilakah lagi penentuan halal haram Skim Amanah Saham

Nasional itu akan diisytiharkan dengan muktamadnya kerana masih terdengar desas-desus pelaburan yang dibuat oleh ASN itu kepada syarikat-syarikat yang suhabat dengan perniagaan riba. Kalau begini akan menjadikan was-was kepada setengah-setengah pihak ulamak dan juga menyentuh sensitivity, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, kepada bakal-bakal pembeli daripada umat Islam.

Seperkaru lagi saya ingin sentuh di bawah tajuk yang serupa yang berkaitan rapat dengan pembangunan seimbang antara rohaniyah dan jasmaniah ini ialah tentang penubuhan Jawatankuasa-jawatankuasa Kemajuan Ugama Islam di daerah-daerah menurut arahan Jabatan Perdana Menteri kira-kira akhir tahun 1981 dan dalam hubungan keadaan negeri Perak semua daerah, sebagai contoh 9 daerah semuanya; telah siap ditubuhkan pada bulan Disember 1981. Sebagai pengalaman sendiri, saya sungguh dapat merasakan betapa baik dan perlunya Jawatankuasa ini yang telah diadakan di peringkat daerah. Contohnya daerah Batang Padang dalam negeri Perak, tempat saya datang; Jawatankuasa ini telah dapat pada keseluruhannya boleh dianggap berjaya dari aspek-aspek penyelarasan kegiatan dakwah umumnya di semua peringkat, melibatkan hubungan antara semua lapisan rakyat dengan badan-badan ugama yang terdapat dalam daerah, memanfaatkan dan menggerakkan sumber tenaga-tenaga pengajar dari segenap lapisan berbagai kegiatan ugama dalam daerah, merancang berbagai kegiatan ugama yang belum dijalankan oleh mana-mana badan, mengesan kumpulan ugama sesat serta bertindak dengan pihak berkuasa untuk menumpaskan di peringkat awal, mengenalpasti kelemahan-kelemahan kegiatan dan pentadbiran badan ugama dan berusaha membuat syor-syor ke arah memperbaikinya, mengadakan lawatan dan tinjauan berkala-kala ke tiap-tiap masjid, surau dan sekolah-sekolah ugama dalam daerah, dan akhirnya membantu Jabatan-jabatan Ugama Daerah menyusun, menyelaras pentadbiran rumah ibadat Islam dan lain-lain kegiatan perkembangan ugama Islam di daerah itu.

Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya daerah merupakan unit kecil terpenting di dalam susunan tadbiran dan masyarakat Islam yang terdedah kepada setiap cabaran demi cabaran "at the grass root level". Tidak payah saya huraikan satu persatu akan cabaran yang dihadapi itu, tetapi ancaman bahaya buruk ialah perpecahan ummah dari kemunculan ajaran-ajaran ugama sesat, fahaman politik yang memperalat dan mencemarkan kesucian ugama Islam, fahaman komunis Aethist, Yahudi, Zionist dan lain-lain. Semua ini jangan dipandang ringan dan bukan boleh ditangkis dengan ucapan berapi-api dari pemimpin-pemimpin yang berkuasa atau harapan demi harapan di dalam manifesto politik pilihanraya.

Kerajaan dengan kuasa yang asa padanya sayugianya bertindak membaiki kelemahan akidah umat Islam kerana tidak dapat dinafikan lagi dari kekuatan akidah itulah sendi terhadap benteng kepada ketahanan negara kita yang tercinta ini. Kita rasa dengan penuh keyakinan bahawa melalui berbagai bidang penyelarasan dari Jawatankuasa Ugama Daerah itu boleh mencapai maksud ketahanan yang diridhai Allah itu tetapi sayangnya Jawatankuasa ini tidak dibekalkan langsung dengan sebarang peruntukan melainkan mengharapkan kesihan belas dari pihak-pihak yang sudi sahaja.

Untuk satu-satu badan seperti Jawatankuasa Daerah ini bergerak dengan giat sudah pasti memerlukan tenaga moden yang paling penting yang dinamakan wang. Setakat ini saya ingin menyatakan iaitu tiada sebarang sumbangan galakan peruntukan Kerajaan Pusat atau Kerajaan Negeri apatah pula mendapat simpati dari sumber-sumber Baitulmal jauh sekali. Kumpulanwang dan harta Baitulmal negeri-negeri ini pun jika dapat dikutip dan dipersetujukan sebahagiannya memberi ehsan ke arah menampung kegiatan-kegiatan yang mulia ini, dapat memperteguhkan ketahanan akidah umat Islam melalui badan yang tersebut. Kita merasa amat bangga dan bersyukur mengalu-alukan kalau langkah itu dapat diperkenankan.

Dato' Sulaiman bin Ninam Shah: Masa sudah cukup. Saya hendak beri cuma satu orang sahaja lagi boleh berucap.

Tuan Abdul Wahab bin Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya seminit dua lagi untuk menutup dan memberi kesimpulan di atas hujah-hujah saya menyokong usul menyembahkan ucapan terima kasih tadi, iaitu akhir-akhir ini kita amat menyanjung tinggi di atas harapan dan usaha memperseimbangkan pembangunan jasmaniah dan rohaniah ini tetapi kadang-kadang terdapat percanggahan-percanggahan yang sengaja diadakan. Di sini saya terdapat satu laporan pada akhir bulan Oktober di dalam sebuah akhbar, Angkasapuri hendak menganjurkan pertandingan Ratu Cantik. Yang Pertama sekali kita tidak usahlah hujah halal haramnya perkara ini tetapi dari segi pertandingan ini sahaja, yang telah sudah-sudah hendak dihapuskan pun amat rumit apatah lagi sebuah badan di bawah restu sebuah Kementerian yang penting akan mengadakan ini secara besar-besaran seharusnya janganlah dipandang perkara ini ringan kerana kita takut rakyat akan memperkecilkan harapan dan cita-cita murni Kerajaan baru di bawah pimpinan Perdana Menteri ini untuk menerapkan perseimbangan pembangunan rohaniah dan jasmaniah itu. Kita seharusnya belajar daripada keburukan-keburukan yang terdapat di negara-negara jiran seperti Filipina, kejadian-kejadian jenayah yang berlaku ke atas bekas-bekas Ratu Cantik dan sebagainya. Amatlah kita kesalkan di dalam Dewan yang mulia ini perkara ini dicituskan kembali oleh pihak Angkasapuri khususnya Kementerian Penerangan. Sekian, terima kasih.

Dato' Sulaiman bin Ninam Shah: Tuan Loo Swee Mok.

6.20 ptg.

Tuan Loo Swee Mok: Tuan Yang di-Pertua, adalah dengan hormatnya bagi saya bangun menyokong dan mengucapkan terima kasih kepada Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya pasti, saya sedang menyuarakan perasaan-perasaan kebanyakan Ahli Senate

ini bila saya kata bahawa dalam dunia hari ini negara yang sedang membangun seperti Malaysia akan dari masa ke semasa mengalami fakta-fakta ekonomi yang payah dikawal. Kita mesti insaf akan luasnya kadar turun ekonomi dunia dan kesannya terhadap ekonomi kita kerana hanya bila kita faham pada keseluruhannya keluasan masalah-masalah ekonomi akan kita boleh merancang dengan saksama dan adil, jika ke arah kesembuhan ekonomi rakyat kita.

Yang pertama sekali saya anggap ianya amat penting bagi Kerajaan merancang dan melaksanakan polisi ekonomi yang cermat dan pragmatik supaya memastikan bahawa kita akan memelihara kepesatan pembangunan negara. Memandangkan pencapaian-pencapaian kita baru-baru ini, adalah terang bahawa pembangunan negara, yang memupuk keharmonian dan kemajuan bagi rakyat kita. Saya percaya bahawa polisi Kerajaan yang bertujuan mencapai kemajuan dalam tahun-tahun ke 80an mesti diteguh pandu menurut pengalaman dan pragmatisma. Sesungguhnya, dalam tempoh yang genting ini, hanya satu pilihan terbuka kepada Kerajaan, iaitu tunjukan ciri-ciri praktikal dan melaksanakan langkah-langkah yang munasabah dan berguna bagi rakyat.

Tujuan Kerajaan dalam pembangunan negara masih melibatkan penyusunan bentuk dan pembasmian kemiskinan, bagi semua ahli-ahli kaum-kaum kita, dan dalam semua sektor-sektor ekonomi kita. Untuk mencapai tujuan-tujuan yang mulia ini, Kerajaan mesti mencari jalan dan langkah untuk mempergiatkan perkembangan ekonomi dan menggalakkan perusahaan swasta. Selaras dengan hasrat ini, Kerajaan mesti tunjukkan perangai yang dermawan kepada semua ahli-ahli kaum-kaum kita supaya mereka akan sedar dan menerima jaminan bahawa semasa mereka menanam usaha penuh rakyat dalam pembangunan ekonomi negara kita, mereka sama Kerajaan bagi mereka, akan bersama-sama berusaha untuk meninggikan taraf hidup rakyat, memajukan nafkah hidup semua dan yang mustahak sekali, menghasilkan benda-benda dan perkhidmatan kemudahan yang berkualiti

yang akan memperkukuhkan tempat ekonomi kita dalam bidang perniagaan dunia.

Adalah penting juga bagi Kerajaan mengambil langkah-langkah untuk menghalang dan menjauhkan perasaan irihati dan syak wasangka dan sebagai gantinya, memupuk realisma supaya menyuntik keyakinan kepada setakat yang genting ini. Dalam kehidupan ekonomi kita, satu strategi mautud ialah bagi Kerajaan memberi sokongan positif kepada perusahaan-perusahaan tempatan yang kecil, dengan memberi keyakinan yang mautud kepada sektor-sektor yang patutnya menerima pembantuan Kerajaan.

Walau bagaimanapun, saya mesti menyuarakan satu perkataan cermat, iaitu dalam usaha mempergiatkan pertumbuhan ekonomi, Kerajaan mesti berhati-hati supaya tidak menggerakkan program-program yang akan membawa inflasi, kerana dalam jarak masa panjang, inflasi ini akan membatalkan sebarang kemajuan ekonomi yang kita capai.

Sebaliknya, kita mesti berjaga-jaga supaya tidak berpuas hati. Jika kita tidak alirkan segala usaha untuk melahirkan aktiviti-aktiviti yang berfaedah, kita akan mundur ke keadaan merosot (inflasi) yang akan membawa kesusahan yang melebihi, terutamanya kepada kumpulan rakyat kita yang mempunyai pendapatan yang rendah. Jika keadaan ini berlaku, nilai matawang kita akan turun dan tentunya keadaan gegelisahan akan muncul merebak.

Setakat ini, kita mesti sedar bahawa pencapaian kestabilan dan kemajuan ekonomi negara kita semenjak kemerdekaan adalah terutamanya disebabkan rakyat-rakyat kita yang berbilang kaum faham

dengan seluruhnya dan pupuk dengan lengkapnya prinsip keharmonian antara satu bangsa dengan lain. Keharmonian antara bangsa-bangsa kita telah menjadi sebagai suatu bantal pelindung semasa yang menyegarkan pada masa di mana kita, sebagai satu negara yang berpadu, mengalami kesusahan ekonomi. Sekarang, jika kita boleh memelihara pembiakan dan perkembangan keharmonian antara bangsa-bangsa ini, unsur ini yang menguatkan negara kita akan semula membuktinya sendiri sebagai kunci ke arah kemajuan ekonomi negara kita.

Sebagai kesimpulan, saya ingin menyatakan bahawa program-program untuk menyembuhkan ekonomi dan keharmonian antara bangsa-bangsa kita, adalah sebahagian besarnya, terkandung dalam kontek yang lebih luas, iaitu objektif utama kita untuk melahirkan dan membangkitkan suatu Kerajaan yang bersih dan adil. Segala usaha-usaha kita mesti dilahirkan ke arah kesejahteraan ekonomi dan kestabilan negara. Jika Kerajaan boleh bukti dengan langkah-langkah praktismanya bahawa ia mempunyai dalam hatiya dan menyokong dengan bersemangat, kecenderungan dan kebahagiaan semua rakyat-rakyatnya dan polisinya untuk menyembuhkan ekonomi negara kita adalah dalam kandungan dan semangatnya, bertujuan membantu semua rakyat kita tanpa membezakan bangsa dan kaum. Saya pasti bahawa negara kita ini akan merasa megah gemilang terhadap satu Kerajaan yang benar-benar berkhidmat untuk memandu negara kita.

Dato' Sulaiman bin Ninam Shah: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang hingga pukul 2.30 petang esok, 14hb Disember, 1982.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.